

**KAJIAN TERHADAP PEMULIHARAAN ISTANA SEPECHENDERA, ALOR
SETAR, KEDAH.**

DINIE AZRI BIN MOHD AZAM

UNIVERSITI

MALAYSIA

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN

DENGAN KEPUJIAN

2022

KELANTAN



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**KAJIAN TERHADAP PEMULIHARAAN ISTANA SEPACHENDERA, ALOR
SETAR, KEDAH.**

DISEDIAKAN OLEH:

DINIE AZRI BIN MOHD AZAM

Laporan Projek Akhir Ini Dikemukakan Sebagai Syarat Dalam Memenuhi
Penganugerahan

Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian.

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2022

PERAKUAN STATUS TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.



TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)



SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

Dari tarikh 14/2/2022 hingga _____



SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*



TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Utama

Tandatangan Penyelia

DME

DINIE AZRI BIN MOHD AZAM

ENCIK SAHRUDIN BIN MOHAMED SOM

Tarikh: 17/2/2022

Tarikh: _____

Nota* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

PENGAKUAN

Projek bertajuk “Kajian Terhadap Pemuliharaan Istana Sepachendera, Alor Setar, Kedah” telah disediakan oleh(DINIE AZRI BIN MOHD AZAM) dan telah diserahkan kepada Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan (FTKW) sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Keahlian (Konservasi Warisan).

Diterima untuk diperiksa oleh:

(Encik Sahrudin Bin Mohamed Som)

Tarikh:

PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Pertama sekali saya bersyukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah dan kurniaNya, projek penyelidikan ini berjaya saya selesaikan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan walaupun terdapat kekangan yang perlu dilalui semasa menyelesaikan projek penyelidikan ini.

Seterusnya, saya ingin melafazkan setinggi penghargaan serta ucapan terima kasih kepada penyelia projek penyelidikan saya iaitu Encik Sahrudin Bin Mohamed Som atas nasihat, bimbingan dan sokongan yang diberikan sepanjang kajian ini dilakukan. Beliau juga merupakan individu yang sering mengambil berat akan tugas para pelajar di bawah seliaannya dan turut memberikan pandangan dan pembetulan terhadap kajian yang telah saya laksanakan.

Selain itu, saya ingin menyampaikan ucapan ribuan terima kasih kepada kedua-dua ibu dan bapa saya yang dikasihi dan dihormati kerana telah menjadi pembakar semangat saya dalam melakukan apa jua perkara di dalam kehidupan termasuklah menyempurnakan tugas projek penyelidikan ini. Tidak dilupakan juga kepada adik-beradik dan keluarga terdekat saya yang memberikan dorongan serta nasihat kepada saya untuk melaksanakan projek penyelidikan ini. Tanpa mereka, mungkin saya tidak mampu untuk sampai ke tahap ini.

Di samping itu, saya juga ingin berterima kasih kepada rakan-rakan saya yang sentiasa memberikan semangat saat saya menghadapi kesukaran dalam pelaksanaan kajian ini. Akhir sekali, saya ingin ucapkan terima kasih kepada pihak Universiti Malaysia Kelantan serta pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyempurnakan projek penyelidikan ini. Semoga dengan segala bantuan dan kerjasama yang diberikan mampu membuka lembaran baru terhadap sejarah dan warisan yang terdapat di Malaysia.

ABSTRAK

Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai banyak dan pelbagai khazanah warisan yang mampu menjadi sebagai tempat tarikan pelancong dan memaparkan identiti tersendiri. Projek penyelidikan ini merupakan satu kajian mengenai Pemuliharaan Di Istana Sepachendera, Alor Setar, Kedah yang perlu dipelihara sebagai khazanah warisan negara. Istana Sepachendera ini telah dibina pada tahun 1882 oleh Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah dan lokasinya terletak di Jalan Kampung Baru, Alor Setar, Kedah. Pengkaji menyasarkan istana ini kerana tertarik dengan seni bina bangunan istana ini serta istana ini turut mempunyai pelbagai kegunaan suatu ketika dahulu. Meskipun masyarakat menyedari akan keunikan pembinaan istana ini, namun ada sebilangan daripada mereka yang memandang enteng akan nilai kepentingan yang terdapat pada Istana Sepachendera ini. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti nilai kepentingan warisan yang terdapat pada Istana Sepachendera serta untuk mengenalpasti tahap pengekalan pada Istana Sepachendera. Seterusnya, objektif kajian ini dilakukan adalah untuk mengenalpasti faktor yang mempengaruhi usaha pemuliharaan Istana Sepachendera ini. Metodologi yang digunakan dalam mendapatkan data dalam kajian ini adalah melalui kaedah pemerhatian, temubual dan analisis dokumen. Oleh itu, diharapkan kajian ini dapat dijadikan panduan bagi mengetahui tahap pemuliharaan pada Istana Sepachendera serta dapat memartabatkan bangunan warisan ini agar generasi muda dapat menghayati sejarah seni bina yang dimiliki dan mengambil iktibar.

Kata kunci : *faktor mempengaruhi, Istana Sepachendera, kepentingan nilai warisan, pemuliharaan*

ABSTRACT

Malaysia is a country that has many and various heritages treasures that can be a tourist attraction and displays its own identity. This research project is a study on Conservation at Sepachendera Palace, Alor Setar, Kedah which needs to be preserved as a national heritage treasures. Sepachendera Palace was built in 1882 by the late Sultan Abdul Hamid Halim Shah and its location is located at Jalan Kampung Baru, Alor Setar, Kedah. Researchers targeted this palace because they interested in the architecture of this palace building and this palace also had various uses in the past. Although the community is aware of the uniqueness of the construction of this palace, but there are some of them who underestimate the value of this importance of this Sepachendera Palace. The objective of this study is to identify the value of importance found in Sepachendera Palace and to identify the level of retention in the Sepachendera Palace. Next, the objective of this study was to identify the factors that influence the conservation efforts of this Sepachendera Palace. The methodology used in obtaining data in this study is through observation, interviews and document analysis. Therefore, it is hoped that this study can be used as a guide to determine the level of conservation at the Sepachendera Palace and to elevate this heritage building so that the younger generation can be appreciate this history of architecture and take a lessons.

Keyword : *influencing factors, Palace Sepachendera, importance, value, conservation*

ISI KANDUNGAN

| KANDUNGAN | MUKA SURAT |
|--------------------------------|------------|
| PENGHARGAAN | i |
| ABSTRAK | ii |
| ABSTRACT | iii |
| ISI KANDUNGAN | iv |
| SENARAI JADUAL | vii |
| SENARAI RAJAH | vii |
| SENARAI GAMBAR | vii |
| SENARAI CARTA | ix |
| BAB 1: PENDAHULUAN | 1 |
| 1.1 Pengenalan | 1 |
| 1.2 Latar Belakang Kajian | 2 |
| 1.3 Permasalahan Kajian | 6 |
| 1.4 Objektif Kajian | 8 |
| 1.5 Persoalan Kajian | 8 |
| 1.6 Skop Kajian | 9 |
| 1.7 Lokasi Kajian | 11 |
| 1.8 Kepentingan Kajian | 12 |
| 1.9 Definisi Terminologi | 16 |
| 1.10 Rumusan Bab | 18 |
| BAB 2: KAJIAN LITERATUR | 19 |
| 2.1 Pengenalan | 19 |
| 2.2 Warisan | 20 |

| | |
|--|-----------|
| 2.3 Bangunan Warisan | 21 |
| 2.4 Istana Warisan Di Malaysia | 22 |
| 2.5. Kepentingan Istana Warisan | 23 |
| 2.6 Suaiguna Semula Bangunan Istana Sebagai Muzium | 25 |
| 2.7 Pemuliharaan | 26 |
| 2.8 Struktur Pemuliharaan Di Malaysia | 31 |
| 2.9 Pengaruh Seni Bina Di Malaysia | 37 |
| 2.10 Rumusan Bab | 48 |
| BAB 3: METODOLOGI KAJIAN | 49 |
| 3.1 Pengenalan | 49 |
| 3.2 Reka Bentuk Kajian | 50 |
| 3.3 Kaedah Pengumpulan Data | 51 |
| 3.4 Carta Alir Metodologi Kajian | 58 |
| 3.5 Jadual Pendekatan Kajian | 60 |
| 3.6 Analisis Data | 61 |
| 3.7 Jangkaan Dapatan Kajian | 63 |
| 3.8 Rumusan Bab | 64 |
| BAB 4: DAPATAN KAJIAN | 65 |
| 4.1 Pengenalan | 65 |
| 4.2 Latar Belakang Responden | 66 |
| 4.3 Nilai Kepentingan Warisan Di Istana Sepachendera | 67 |
| 4.4 Tahap Pengekalan Pada Istana Sepachendera | 93 |
| 4.5 Kepentingan Pemuliharaan Istana Sepachendera | 115 |
| 4.6 Rumusan Bab | 123 |

| | |
|---|------------|
| BAB 5: PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN | 124 |
| 5.1 Pengenalan | 124 |
| 5.2 Perbincangan Dapatan Kajian | 125 |
| 5.3 Rumusan | 130 |
| 5.4 Cadangan | 131 |
| 5.5 Penutup | 133 |
| RUJUKAN | 135 |
| LAMPIRAN | 140 |

SENARAI JADUAL

| NO. | MUKA SURAT |
|--|-------------------|
| Jadual 2.1 Istana Warisan Di Malaysia | 23 |
| Jadual 3.1 Jadual Pendekatan Kajian | 60 |
| Jadual 4.1 Latar Belakang Responden | 66 |
| Jadual 4.2 Nilai Kepentingan Warisan Istana Sepachendera | 79 |

SENARAI RAJAH

| NO. | MUKA SURAT |
|---|-------------------|
| Rajah 2.1 Struktur Pemuliharaan Di Malaysia | 34 |
| Rajah 2.2 Struktur Pemuliharaan Di Malaysia | 36 |
| Rajah 3.1 Carta Alir Metodologi Kajian | 58 |

SENARAI GAMBAR

| NO. | MUKA SURAT |
|---|-------------------|
| Gambar 1.1 Latar Belakang Kajian | 5 |
| Gambar 1.2 Lokasi Kajian | 12 |
| Gambar 2.1 Pengaruh Seni Bina Di Malaysia | 40 |
| Gambar 2.2 Pengaruh Seni Bina Di Malaysia | 42 |
| Gambar 2.3 Pengaruh Seni Bina Di Malaysia | 45 |
| Gambar 2.4 Pengaruh Seni Bina Di Malaysia | 47 |

| | |
|---|----|
| Gambar 4.1 Nilai Kepentingan Warisan Istana Sepachendera | 69 |
| Gambar 4.2 Nilai Kepentingan Warisan Istana Sepachendera | 70 |
| Gambar 4.3 Nilai Kepentingan Warisan Istana Sepachendera | 71 |
| Gambar 4.4 Nilai Kepentingan Warisan Istana Sepachendera | 75 |
| Gambar 4.5 Nilai Kepentingan Warisan Istana Sepachendera | 76 |
| Gambar 4.6 Nilai Kepentingan Warisan Istana Sepachendera | 78 |
| Gambar 4.7 Nilai Kepentingan Warisan Istana Sepachendera | 80 |
| Gambar 4.8 Nilai Kepentingan Warisan Istana Sepachendera | 81 |
| Gambar 4.9 Nilai Kepentingan Warisan Istana Sepachendera | 82 |
| Gambar 4.10 Nilai Kepentingan Warisan Istana Sepachendera | 82 |
| Gambar 4.11 Nilai Kepentingan Warisan Istana Sepachendera | 83 |
| Gambar 4.12 Nilai Kepentingan Warisan Istana Sepachendera | 84 |
| Gambar 4.13 Nilai Kepentingan Warisan Istana Sepachendera | 85 |
| Gambar 4.14 Nilai Kepentingan Warisan Istana Sepachendera | 86 |
| Gambar 4.15 Nilai Kepentingan Warisan Istana Sepachendera | 87 |
| Gambar 4.16 Nilai Kepentingan Warisan Istana Sepachendera | 88 |
| Gambar 4.17 Nilai Kepentingan Warisan Istana Sepachendera | 89 |
| Gambar 4.18 Nilai Kepentingan Warisan Istana Sepachendera | 90 |
| Gambar 4.19 Nilai Kepentingan Warisan Istana Sepachendera | 90 |
| Gambar 4.20 Tahap Pengekalan Pada Istana Sepachendera | 97 |

| | |
|---|-----|
| Gambar 4.21 Tahap Pengekalan Pada Istana Sepachendera | 98 |
| Gambar 4.22 Tahap Pengekalan Pada Istana Sepachendera | 100 |
| Gambar 4.23 Tahap Pengekalan Pada Istana Sepachendera | 102 |
| Gambar 4.24 Tahap Pengekalan Pada Istana Sepachendera | 103 |
| Gambar 4.25 Tahap Pengekalan Pada Istana Sepachendera | 105 |
| Gambar 4.26 Tahap Pengekalan Pada Istana Sepachendera | 108 |
| Gambar 4.27 Tahap Pengekalan Pada Istana Sepachendera | 109 |
| Gambar 4.28 Tahap Pengekalan Pada Istana Sepachendera | 110 |
| Gambar 4.29 Tahap Pengekalan Pada Istana Sepachendera | 112 |
| Gambar 4.30 Tahap Pengekalan Pada Istana Sepachendera | 114 |
| Gambar 4.31 Tahap Pengekalan Pada Istana Sepachendera | 101 |

SENARAI CARTA

| NO. | MUKA SURAT |
|---|------------|
| Carta 4.1 Tahap Pengekalan Pada Istana Sepachendera | 94 |
| Carta 4.2 Tahap Pengekalan Pada Istana Sepachendera | 95 |
| Carta 4.3 Tahap Pengekalan Pada Istana Sepachendera | 96 |
| Carta 4.4 Tahap Pengekalan Pada Istana Sepachendera | 99 |
| Carta 4.5 Tahap Pengekalan Pada Istana Sepachendera | 101 |
| Carta 4.6 Tahap Pengekalan Pada Istana Sepachendera | 102 |
| Carta 4.7 Tahap Pengekalan Pada Istana Sepachendera | 104 |

| | |
|--|-----|
| Carta 4.8 Tahap Pengekalan Pada Istana Sepachendera | 106 |
| Carta 4.9 Tahap Pengekalan Pada Istana Sepachendera | 107 |
| Carta 4.10 Tahap Pengekalan Pada Istana Sepachendera | 108 |
| Carta 4.11 Tahap Pengekalan Pada Istana Sepachendera | 111 |
| Carta 4.12 Tahap Pengekalan Pada Istana Sepachendera | 113 |

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai banyak tapak warisan arkeologi, bangunan bersejarah dan monumen. Setiap tapak warisan arkeologi, bangunan bersejarah dan monumen ini perlu dijaga dengan sebaiknya agar ia tidak akan hilang dan dapat dipertontonkan kepada generasi akan datang sebagai bukti sejarah yang terdapat di negara ini. Negara luar seperti Jepun antara negara yang banyak memanfaatkan aset warisan yang dimiliki secara terancang. Aset-aset warisan ini telah dijaga dan dibangunkan semula dengan lebih luas liputannya serta menjadi tempat pelancongan dan turut menjana pendapatan negara (Jurnal Warisan, 2016).

Di Malaysia terdapat lebih kurang 35,000 buah bangunan warisan sebelum perang dunia berlaku yang berada di 265 buah bandar di Malaysia (Syed Zainol Abidin Idid, 1915). Di sebalik terdapatnya banyak bangunan warisan di Malaysia ini, sebahagian besarnya tidak dipulihara dengan baik dan terdapat juga bangunan yang telah rosak disebabkan oleh pelbagai faktor (A.Ghafar Ahmad, 2009). Sebahagian besar daripada bangunan warisan ini telah diwartakan sebagai warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645). Menurut A. Ghafar (1994), setiap

bangunan warisan perlu dipulihara kerana ia memiliki nilai emosi, budaya dan kegunaan yang tidak ternilai harganya. Usaha pemuliharaan yang berterusan perlu dilaksanakan agar bangunan-bangunan warisan ini tidak lenyap ditelan bangunan-bangunan moden masa kini.

Di Malaysia bangunan warisan terdiri daripada pelbagai jenis seperti bangunan kolonial, gereja, istana, masjid, kuil, penjara dan kubu. Bangunan istana merupakan salah satu jenis bangunan warisan yang masih kekal dan banyak terdapat di Malaysia. Namun keadaannya juga seperti bangunan warisan yang lain, sebahagian besar bangunan istana masih lagi kekal dan digunakan serta terdapat juga bangunan istana warisan yang mempunyai kepentingan warisan tetapi dalam keadaan yang terbiar walaupun mempunyai reka bentuk yang menarik dan nilai kepentingan. Dalam hal ini, Istana Sepachendera juga merupakan sebuah istana yang mempunyai nilai kepentingan tetapi tidak dijaga dengan baik oleh pihak yang bertanggungjawab.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kajian dan penyelidikan yang dijalankan adalah berkaitan dengan pemuliharaan di Istana Sepachendera, Alor Setar, Kedah. Istana Sepachendera ini terletak di tengah bandar Alor Setar dan berdekatan dengan Menara Alor Setar. Disebabkan pembangunan yang pesat telah berlaku di Alor Setar, istana ini agak tenggelam dengan bangunan-

bangunan yang moden dan terkini. Selain itu, istana ini juga berada dalam keadaan tidak terjaga dan kurang mendapat perhatian orang ramai. Menyedari tentang hal ini, istana ini perlu dijaga dan dipulihara semula agar ia tidak disia-siakan begitu sahaja. Istana Sepachendera ini begitu besar dan mempunyai pengaruh seni bina kolonial yang melambangkan begitu besarnya kuasa raja-raja terdahulu.

Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk mengangkat semula khazanah warisan yang terdapat di negeri kedah. Dalam hal ini, selain daripada rumah kerabat diraja, istana ini dahulu merupakan pusat pendidikan dan pentadbiran di negeri Kedah sebelum ia dibiarkan usang pada tahun 2000. Justeru itu, istana ini perlu dipulihara dengan sebaik mungkin agar ia dapat dijadikan sebagai salah satu khazanah warisan di negara ini dan terutamanya di negeri Kedah. Kajian ini penting dijalankan agar generasi muda dapat menatap keindahan seni bina istana ini dan mengekalkan sejarah di negeri Kedah.

Kajian ini dilakukan ke atas Istana Sepachendera yang terletak di Jalan Kampung Baru, Alor Setar, Kedah. Negeri Kedah Darul Aman terletak di semenanjung Malaysia. Ia bersempadan dengan negara Thailand dan negeri Perlis di sebelah utara dan Pulau Pinang serta Perak di sebelah selatan. Keluasan negeri Kedah adalah 9425 kilometer persegi dan Alor Setar sebagai ibu negeri serta Bandar Diraja pula ialah Anak Bukit. Selain itu, Kedah juga merupakan negeri yang tertua

di negara ini. Istana Sepachendera merupakan sebuah istana yang dibina oleh Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah pada tahun 1882.

Istana ini dibina oleh Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah untuk isteri pertamanya iaitu Che Sepachendera. Nama istana ini juga diambil daripada nama isteri Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah iaitu Sepachendera. Istana ini mempunyai keunikannya yang tersendiri kerana ia pernah dijadikan pelbagai pusat pentadbiran dan pendidikan selepas kematian Che Sepachendera. Seni bina yang terdapat pada istana ini lebih kepada seni bina kolonial British. Setelah kematian Che Sepachendera, istana ini telah banyak menjadi bangunan yang lain seperti sekolah, Pejabat Penyelamat dan Kebakaran dan lain-lain lagi.

Pada tahun 1922, Istana Sepachendera telah dijadikan sebagai Sekolah Perempuan Kampung Baru oleh putera sulung Che Sepachendera iaitu Tunku Ibrahim. Pada tahun 1945, ketika Perang Dunia Kedua, istana ini telah digunakan sebagai Pejabat Pemadam Kebakaran dan Pusat Bahasa Jepun. Istana ini juga pernah menjadi sekolah bagi pelajar lelaki pada tahun 1966. Seterusnya pada tahun 1983, istana ini telah menjadi Pejabat Pendidikan Kota Setar. Kali terakhir ini dihuni adalah pada tahun 2000 oleh pelajar Kolej Universiti Insaniyah. Setelah 20 tahun lebih istana ini ditinggalkan, istana ini telah menjadi usang dan tidak diuruskan dengan baik lagi. Hal ini

menyebabkan berlakunya kerosakan pada bangunan istana ini dan kawasan sekitarnya.



Gambar 1.1: Istana Sepachendera, Alor Setar, Kedah

(Sumber: *Google images*)

1.3 Permasalahan Kajian

Permasalahan kajian adalah untuk mengenalpasti situasi yang boleh dijadikan sebagai permulaan untuk membuat suatu penyelidikan. Semasa melaksanakan kajian berkaitan dengan Pemuliharaan terhadap Istana Sepachendera di Alor Setar, Kedah, terdapat berberapa masalah yang telah dikenalpasti oleh pengkaji. Antara permasalahan kajian yang dikenalpasti adalah berkaitan dengan penyelenggaraan bangunan Istana Sepachendera ini. Menurut Bill Hamilton dan Wan Salleh Wan Ibrahim (2001), sebuah bangunan memerlukan pengurusan penyelenggaraan yang sistematik dan berterusan bagi mengekalkan dan melindungi pelaburan bagi sesebuah organisasi bangunan. Pengkaji mendapati Istana Sepachendera yang terletak di Alor Setar, Kedah tidak terurus dengan pengurusannya dan kelihatan usang. Istana Sepachendera yang kelihatan usang ini jelas dilihat oleh umum apabila Kerajaan Tempatan dan Majlis Bandaraya Alor Setar membiarkan struktur bangunan Istana Sepachendera yang rosak tanpa melakukan proses pembaikan.

Permasalahan kajian yang seterusnya adalah mengenai kesedaran masyarakat terhadap pemuliharaan bangunan warisan. Kesedaran masyarakat terhadap pentingnya menjaga dan memulihara warisan tempatan masih berada ditahap yang rendah (Yuzana Muhammad, 2019). Dalam hal ini, masyarakat seolah-olah mengabaikan keberadaan dan kepentingan sesuatu warisan yang mempunyai sejarahnya tersendiri.

Menurut Lindsay (2019), beliau menegaskan bahawa kegagalan memupuk kesedaran di kalangan lapisan masyarakat menyebabkan usaha mengembeleng aset warisan untuk pelbagai kegunaan menjadi sukar. Hal ini menjadi faktor Istana Sepachendera ini berada dalam keadaan yang tidak terjaga dan terabai kerana bagi mereka istana ini tidak memberi impak kepada masyarakat setempat.

Permasalahan kajian yang terakhir adalah berkaitan dengan persepsi masyarakat terhadap keunikan seni bina tempatan masih berada di tahap yang rendah. Walaupun bangunan ini mempunyai nilai estetika dalam pengaruh seni bina, namun ia tidak cukup untuk menjadikan bangunan ini dipulihara sekiranya komitmen masyarakat masih di tahap yang rendah khususnya mengenai keunikan identiti sesebuah seni bina. Menurut A Ghafar (2003), beliau menyatakan bahawa kerja-kerja konservasi bukan sahaja berkait rapat dengan struktur bangunan, malah ia membayangkan kepada kita tentang budaya sesuatu masyarakat tersebut. Sesetengah masyarakat masih beranggapan bahawa bangunan lama adalah sebagai tempat yang patut diruntuhkan dan seni binanya tidak relevan berbanding seni bina moden pada masa kini. Walaupun seni bina merupakan entiti sesebuah bangsa, tidak mustahil bagi mereka untuk menjadi penggerak kepada pemuliharaan disebabkan penghayatan yang kurang baik pada sesuatu nilai warisan.

1.4 Objektif Kajian

Kajian yang dilakukan ini bertujuan untuk mencapai tiga objektif utama. Terdapat tiga objektif pada kajian ini iaitu:

1. Mengenalpasti nilai kepentingan warisan Istana Sepachendera.
2. Mengenalpasti tahap pengekalan pada Istana Sepachendera.
3. Mengenalpasti kepentingan pemuliharaan Istana Sepachendera.

1.5 Persoalan Kajian

Terdapat beberapa persoalan yang timbul hasil pemerhatian awal terhadap topik penyelidikan. Antara persoalan berbangkit adalah:

1. Apakah nilai kepentingan warisan yang terdapat pada Istana Sepachendera ini?
2. Berapakah tahap pengekalan pada Istana Sepachendera ini?
3. Apakah kepentingan pemuliharaan Istana Sepachendera?

MALAYSIA

KELANTAN

1.6 Skop Kajian

Skop kajian ini merupakan batasan atau had yang ditetapkan untuk melaksanakan sesuatu penyelidikan. Skop ini boleh dinilai dari segi pembolehubah, sampel, instrumentasi dan generalisasi. Skop kajian ini dibuat untuk mengelakkan daripada permasalahan yang dikaji tersasar jauh. Kajian yang dijalankan ini tertumpu pada Istana Sepachendera sahaja yang terletak di Jalan Kampung Baru, Alor Setar, Kedah. Istana ini dahulunya merupakan kediaman bagi Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah dan isterinya Che Sepachendera. Dalam bab ini akan diterangkan dengan terperinci tentang nilai kepentingan warisan yang terdapat pada istana ini. Istana Sepachendera ini telah berberapa kali mengalami perubahan dari segi penggunaannya. Misalnya, istana ini pernah dijadikan sekolah bagi pelajar perempuan pada tahun 1922 dan pelbagai lagi. Sehingga kini istana ini dibiarkan begitu sahaja. Kajian ini akan melibatkan pihak Yayasan Tunku Kassim yang bertindak menjaga bangunan Istana ini dan pihak Muzium Negeri Kedah yang membolehkan pengkaji mendapatkan maklumat yang sahih dan tepat untuk kepentingan kajian ini.

Bab ini juga akan membincangkan tentang tahap pengekalan pada bangunan Istana Sepachendera ini. Istana Sepachendera ini telah lama dibiarkan dan berada dalam keadaan yang tidak terjaga. Hal ini telah menyebabkan berlakunya pelbagai kerosakan pada bangunan istana ini dan menyebabkan tahap pengekalan pada bangunan ini berkurangan.

Pengkaji akan membincangkan tahap pengekaln yang terdapat pada bangunan Istana Sepachendera ini berpandukan piawaian yang ditetapkan oleh Jabatan Warisan Negara (JWN).

Selain itu, dalam bab ini juga akan menerangkan tentang kepentingan pemuliharaan Istana Sepachendera ini. Dalam hal ini, pengkaji akan mengenalpasti faktor-faktor yang berkaitan dengan pemuliharaan ke atas Istana Sepachendera kerana istana ini pernah menjadi sebagai pusat pendidikan dan pentadbiran suatu ketika dahulu sebelum ia dibiarkan usang pada tahun 2000. Pengkaji akan menghuraikan tentang secara terperinci tentang kepentingan pemuliharaan ini.

Jarak skop kajian yang dilakukan adalah berdekatan dengan tempat tinggal asal pengkaji iaitu di negeri Kedah. Tempat kajian terletak di Jalan Kampung Baru, Alor Setar, Kedah. Salah satu sebab kajian dilakukan di kawasan ini adalah kerana ia terletak hampir dengan tempat tinggal pengkaji dan mempunyai kemudahan pengangkutan untuk ke tempat kajian. Oleh kerana jaraknya yang dekat, pengkaji dapat menjimatkan masa dan mampu berulang-alik ke tempat kajian.

Kesimpulannya, pengkaji melihat Istana Sepachendera telah berada dalam keadaan yang tidak terjaga dan tenggelam akibat pembangunan yang pesat di bandar. Disebabkan Istana Sepachendera ini mempunyai nilai kepentingan dan sejarahnya yang tersendiri, kajian ini mempunyai

matlamat dalam menumpukan kajian pemuliharaan terhadap Istana Sepachendera. Hal ini kerana ia mampu menarik minat orang ramai untuk melihat sendiri rekaan istana tersebut yang bercirikan gabungan seni bina Melayu dan Kolonial British.

1.7 Lokasi Kajian

Lokasi kajian yang dijalankan terletak di Istana Sepachendera, Jalan Kampung Baru, Alor Setar, Kedah. Alor Setar merupakan ibu negeri Kedah. Alor Setar juga merupakan bandar kedua terbesar di Kedah selain dari Sungai Petani. Selain itu, di Alor Setar menempatkan Pusat Pentadbiran Daerah Kota Setar di Bandar Muadzam Shah dan bandar diraja Kedah iaitu di Bandar Anak Bukit.

Alor Setar terletak 93 kilometer utara Butterworth, Pulau Pinang dan 45 kilometer dari selatan sempadan Thailand. Bandar ini ditadbir oleh Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Majlis Bandaraya Alor Setar. Kawasan Alor Setar ini meliputi tanah seluas 662 kilometer persegi dan diduduki oleh lebih 300,000 ribu penduduk mengikut banci tahun 2010. Lokasi Istana Sepachendera terletak berdekatan dengan sebuah pusat membeli belah iaitu Aman Central dan Menara Alor Setar di Kedah.



Gambar 1.2: Peta Lokasi Istana Sepachendera, Alor Setar, Kedah.

Sumber: <https://www.google.com/maps>

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini dilihat berkepentingan oleh pengkaji bagi membolehkan kajian yang dijalankan dapat memberi manfaat kepada individu, masyarakat, pentadbiran, institusi dan pelancongan pada masa sekarang dan masa akan datang.

1.8.1 Individu

Kajian yang dijalankan ini telah memberi kesedaran kepada pengkaji untuk terus memulihara bangunan yang lama yang mempunyai nilai kepentingan seperti Istana Sepachendera di Alor Setar, Kedah ini. Selain

itu, pengkaji dapat menghayati sejarah dan sentiasa peka untuk mendalami serta mengkaji sejarah di Istana Sepachendera di Alor Setar, Kedah.

1.8.2 Masyarakat

Kajian berkaitan Pemuliharaan di Istana Sepachendera di Alor Setar, Kedah ini dapat membuka mata masyarakat setempat untuk terus menjaga dan memahami sejarah yang terdapat pada Istana Sepachendera ini. Pemuliharaan bangunan warisan seperti Istana Sepachendera ini dapat membantu masyarakat dalam mengingati sejarah setempat dan mengambil iktibar daripada sejarah lalu. Seterusnya, pemuliharaan Istana Sepachendera ini membolehkan generasi akan datang dapat melihat bangunan warisan ini dan keindahan nilai estetika seni bina yang dimiliki oleh masyarakat dahulu.

Menurut Powell (1994), pengekaln bangunan dan kawasan bersejarah akan dapat dijadikan sebagai bahan bukti sejarah. Semua bahan sejarah seperti monumen, bangunan dan kawasan merupakan satu warisan yang amat berharga yang perlu dikekalkan dan dipelihara untuk generasi kini dan generasi akan datang.

1.8.3 Pentadbiran

Kajian ini dapat mengangkat martabat kawasan yang mempunyai nilai sejarah dan warisan kepada umum. Di samping itu, pemuliharaan Istana Sepachendera ini dapat menjana ekonomi di daerah Kota Setar ini dalam sektor pelancongan dan perniagaan. Hal ini kerana lokasi Istana Sepachendera ini berdekatan dengan sebuah pusat membeli-belah dan Menara Alor Setar. Ini secara tidak langsung dapat meningkatkan imej Istana Sepachendera di mata umum serta mengangkat keberkesanan tindakan Kerajaan Tempatan dalam pemuliharaan bangunan warisan.

1.8.4 Institusi

Kajian ini dapat membantu pelajar dalam institusi pendidikan untuk mengetahui mengenai Istana Sepachendera yang memiliki nilai sejarah yang jarang diketahui oleh masyarakat setempat. Kajian yang dijalankan ini boleh dijadikan sebagai rujukan kepada umum yang ingin mengetahui dan mendalami mengenai nilai warisan bagi Istana Sepachendera. Selain itu, kajian yang dijalankan ini dapat membuka mata pelbagai pihak dan masyarakat serta dapat menaikkan nama universiti ke peringkat yang lebih tinggi.

1.8.5 Pelancongan

Bangunan warisan mempunyai potensi dijadikan sebagai produk pelancongan sekiranya dipulihara dan diselenggara dengan baik. Keunikan yang terdapat pada Istana Sepachendera ini berupaya menarik minat pelancong asing dan pelancong tempatan untuk datang berkunjung ke Kedah bagi melihat sendiri nilai warisan yang terdapat pada istana ini. Dalam hal ini, sememangnya sukar untuk kita menjumpai istana yang dibina pada zaman dahulu yang mempunyai pengaruh seni bina kolonial British. Ia secara tidak langsung dapat merancakkan lagi sektor pelancongan di negeri Kedah dan dapat meningkatkan ekonomi negeri serta masyarakat setempat.

1.9 Definisi Terminologi

1.9.1 Warisan

Maksud perkataan warisan mengikut Kamus Dewan Pelajar Edisi Kedua keluaran Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia adalah sebagai sesuatu yang bernilai, yang diperturunkan atau diwarisi dari mereka yang telah tiada. Dalam konteks harta negara, warisan dikategorikan kepada dua iaitu warisan berbentuk ketara dan warisan tidak ketara. Kedua-dua warisan ini merupakan aset yang perlu dipulihara dan dipelihara.

1.9.2 Bangunan Bersejarah

Filden (2000) telah mendefinisikan bangunan bersejarah sebagai sebuah bangunan yang dapat memberikan kita satu perasaan kagum dan membuatkan kita ingin mengetahui lebih mengenai bangsa dan budaya yang menghasilkannya. Beliau mengatakan lagi sekiranya bangunan ini telah bertahan sehingga 100 tahun usianya, ia sewajarnya digelar bangunan bersejarah. Seterusnya, Jabatan Warisan Negara (2009) mendefinisikan bangunan bersejarah sebagai suatu bangunan atau kumpulan bangunan yang berasingan atau bersambungan yang disebabkan seni binanya, tempatnya dalam landskap serta mempunyai nilai segajat yang menonjol dari pandangan sejarah, seni atau sains.

1.9.3 Pemuliharaan

Merujuk kepada ICOMOS (1999) dalam Piagam Burra, pemuliharaan didefinisikan sebagai proses memulihara sesuatu tempat supaya kepentingannya budayanya dapat dikekalkan. Proses ini termasuklah penyenggaraan dan termasuk juga proses pemulihan, restorasi dan pembinaan semula serta adaptasi. Selain itu, Perbadanan Muzium Melaka (2006) mendefinisikan pemuliharaan sebagai kerja-kerja baik pulih monumen dan tapak tanah bersejarah dengan menggunakan kaedah mengekalkan seni bina dan bahan binaan yang sama atau hampir sama dengan bahan asal.

1.9.4 Seni Bina

Seni bina bermaksud satu bidang seni untuk mendirikan bangunan dan reka bentuk yang direka oleh manusia. Menurut penulis Rom, seni bina ialah seni yang timbul daripada kesenian yang lain dan dihiasi dengan banyak dan pelbagai pembelajaran dengan bantuan yang terbentuk daripada karya-karya yang merupakan hasil daripada seni yang lain. Ibnu Khaldun dalam karyanya Al-Muqadimah, seni bina merupakan satu aspek daripada asas tamadun yang paling utama yang merupakan lambang atau suatu manifestasi daripada keagungan dan ketinggian sesuatu tamadun purba. Selain itu, pandangan barat banyak menumpukan kepada aspek fizikal terutamanya menyentuh berhubung struktur bangunan, identiti dan dekorasi.

1.10 Rumusan Bab

Kesimpulannya, dalam bab ini pengkaji telah menjelaskan secara ringkas berkaitan latar belakang kajian iaitu Kajian Pemuliharaan Terhadap Istana Sepachendera di Alor Setar, Kedah. Seterusnya, objektik kajian yang ingin dicapai adalah seperti mengenalpasti nilai kepentingan yang terdapat pada Istana Sepachendera, mengenalpasti tahap pengekalan pada Istana Sepachendera dan mengenalpasti kepentingan pemuliharaan Istana Sepachendera. Pengkaji turut menjelaskan berberapa permasalahan kajian yang bakal mengganggu bangunan Istana Sepachendera yang terletak di Alor Setar, Kedah ini. Skop kajian hanya difokuskan pada Istana Sepachendera dan pihak Yayasan Tunku Kassim serta pihak Muzium Negeri Kedah yang bertanggungjawab terhadap istana ini. Seterusnya, pengkaji telah membahagikan kepentingan kajian kepada lima kategori iaitu individu, masyarakat, pentadbiran, institusi dan pelancongan.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Kajian literatur merupakan satu bentuk pengumpulan maklumat yang diperoleh dari sumber sekunder seperti buku, surat khabar, majalah dan sumber lain yang sesuai. Di samping itu, kajian literatur juga adalah kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Menurut Gaymilis dan Airasian (2006), kajian literatur adalah tinjauan yang melibatkan pengenalan sistematik, lokasi dan analisis dokumen yang mengandungi maklumat berkaitan dengan masalah penyelidikan.

Selain itu, kajian literatur juga didefinisikan sebagai rujukan secara kritikal serta sistematik mengenai maklumat terpilih yang terdapat dalam rujukan perpustakaan atau literatur berkaitan topik atau fokus soalan kajian pengkaji. Kajian literatur ini melibatkan proses menghurai, meringkas, menganalisis, menilai dan menjelaskan rujukan perpustakaan yang dipilih (Bryman, 2003).

Dalam kajian literatur ini, pengkaji akan menggunakan fakta-fakta dan maklumat berkaitan dengan pemuliharaan, warisan, bangunan warisan, Pihak Berkuasa Tempatan dan seni bina kolonial British selaras dengan kajian pengkaji iaitu Kajian Terhadap Pemuliharaan Istana Sepachendera di Alor Setar, Kedah.

2.2 Warisan

Warisan bukan sekadar rekod pada masa silam. Warisan boleh didefinisikan dalam pelbagai cara bergantung kepada konteks dan perspektif. Menurut Howard (2003), istilah warisan mempunyai hubungan dan kaitan yang jelas dengan konsep mewarisi sesuatu yang mempunyai nilai khazanah secara turun-temurun. Menurut Kamus Dewan (2004), warisan bermaksud sesuatu yang diwarisi, sesuatu yang turun-temurun ataupun peninggalan. Khazanah warisan merupakan masa lampau yang penerokaan dan penilaiannya berupaya membuktikan ketamadunan sesuatu bangsa dan negara (Fatimah et al. , 2010).

Warisan kebudayaan pula menurut ICOMOS, 2002 didefinisikan sebagai satu gaya hidup yang dibangunkan oleh sesebuah masyarakat dan kemudiannya dipeturunkan dari satu generasi kepada satu generasi yang meliputi adat, amalan, kawasan, objek, ekspresi seni dan nilai. Warisan kebudayaan terdiri daripada warisan kebudayaan tidak ketara, warisan kebudayaan ketara, warisan kebudayaan di bawah air, warisan kebudayaan yang penting dan warisan semula jadi. Dalam warisan kebudayaan ketara, ia meliputi kawasan, monumen dan bangunan.

2.3 Bangunan Warisan

Jabatan Warisan Negara (2009) mendefinisikan bangunan warisan sebagai suatu bangunan atau kumpulan bangunan yang berasingan atau bersambungan yang disebabkan seni binanya, kehomegenannya atau tempatnya dalam landskap, mempunyai nilai sejagat yang menonjol dari pandangan sejarah, seni atau sains. Di samping itu, Fielden (2000) pula mendefinisikan bangunan warisan sebagai sebuah bangunan yang dapat memberikan kita perasaan kagum dan menjadikan kita ingin mengetahui lebih lanjut mengenai bangsa dan budaya yang menghasilkannya. Tambah beliau lagi, sekiranya bangunan itu telah tahan sehingga 100 tahun usia penggunaannya, sewajarnya ia digelar bangunan warisan.

Malaysia merupakan sebuah negara yang pernah dijajah yang mempunyai sejumlah besar bangunan warisan. Setiap bangunan mempunyai keunikan tersendiri dan mempunyai kepentingan daripada aspek kebudayaan, sejarah mahupun seni bina. Menurut Yahaya (1996), bangunan-bangunan warisan ini mempunyai nilai dan identiti yang begitu sinonim dengan pembangunan negara kita. Mengikut Marks (1996) dan Pickard (1996), bangunan warisan turut mempunyai kepentingan untuk dipulihara daripada segi sejarah pembangunan negara, seni bina unik, faktor usia, fungsi dan kepentingan nilai ekonomi.

Penyenggaraan bangunan warisan perlu dilaksanakan bagi tujuan mempertahankan struktur warisan. Penyenggaraan bangunan warisan ini

merupakan kunci utama dalam melindungi struktur bagi memanjangkan jangka hayat sesebuah bangunan. Paiman (2002), menyatakan bahawa jika penyenggaraan bangunan warisan sering diabaikan, maka kadar pereputannya akan meningkat. Ini akan memberi kesan ke atas struktur bangunan tersebut dan pengunjung bangunan tersebut. Kepentingan penyenggaraan bangunan warisan menurut A Ghafar (1994), adalah berkait rapat dengan nilai kepentingan yang terdapat pada bangunan itu sendiri.

2.4 Istana Warisan Di malaysia

Kebanyakan negara telah mengaplikasikan pendekatan suaiguna semula bangunan bersejarah dalam melindungi bangunan bersejarah daripada tekanan pembinaan moden masa kini. Di Malaysia, pelbagai bangunan bersejarah yang disuaigunakan semula termasuklah istana (Daeng Haliza Daeng Jamal et al., 2020). Selain itu, di Malaysia juga kebanyakan istana disuaiguna dibahagikan kepada dua iaitu sebagai muzium khas institusi diraja dan muzium (Daeng Haliza Daeng Jamal et al., 2020). Melalui suaiguna semula istana ini kepada muzium, ia merupakan salah satu kaedah yang efektif bukan sahaja dalam memelihara warisan budaya institusi diraja tetapi juga kepada teknologi pertukangan dan seni bina sesebuah istana. Antara istana yang disuaiguna semula sebagai muzium khas institusi diraja dan muzium adalah:

| Bil | Muzium Khas Institusi Diraja | Muzium |
|------------|--------------------------------------|---------------------------------------|
| 1 | Istana Negara, Kuala Lumpur | Istana Jahar, Kelantan |
| 2 | Istana Batu, Kelantan | Istana Kenangan, Kuala Kangsar, Perak |
| 3 | Istana Seri Menanti, Negeri Sembilan | |
| 4 | Istana Besar, Johor | |
| 5 | Istana Kota Beram, Pahang | |

Jadual 2:1 Suaiguna istana kepada muzium khas institusi diraja dan muzium

(Sumber: Jurnal Arkeologi Malaysia 33)

2.5 Kepentingan Istana Warisan

Istana warisan merupakan bangunan yang sinonim dengan royalti di negara-negara yang mempunyai pemerintahan beraja. Menurut N. Zainal Abidin et al., Istana tradisional boleh didapati di seluruh dunia di mana raja dan pemaistri dahulu atau pada masa kini tinggal atau guna pada hari ini dan juga merupakan simbol kekuatan pemerintah serta kekayaan. Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (2009) menyatakan bahawa istana Diraja Melayu Tradisional merupakan bangunan milik keluarga diraja dan dianggap juga sebagai tanda yang penting dalam masyarakat. Di samping itu, menurut Wiryomartono (2011), zaman kegemilangan

istana Diraja Melayu Tradisional adalah pada zaman di mana tradisi dan budaya orang melayu benar-benar diraikan di bandar-bandar tradisional Melayu dimana orang kampung mengepung istana.

Menurut Hairuddin dan Che (2008); Hazrina et al. (2012), Istana Diraja Melayu Tradisional adalah penting kerana ia merupakan pusat pentadbiran yang sistematik dan terkenal serta bertindak sebagai simbol pengukuhan ajaran islam kepada orang ramai. Tambahan lagi, Zulayti (2009), menyatakan bahawa istana-istana ini adalah simbol keberadaan negara yang berkuasa, kekayaan dan kekuatan raja-raja yang berkuasa. Istana Diraja Melayu Tradisional juga menjadi tumpuan bandar pada zaman dahulu dan unit kediamannya adalah terbesar pada masa dahulu (Nor dan Ismail, 2009). Antara kepentingan Istana Diraja Melayu Tradisional adalah sebagai pusat pentadbiran, memperkukuhkan islam sebagai agama utama, simbol kewujudan negara yang memerintah, simbol kekayaan dan kuasa pemerintahan, pusat tumpuan bandar tradisional Melayu serta unit kediaman terbesar dalam masyarakat (N. Zainal Abidin et al.).

MALAYSIA

KELANTAN

2.6 Suaiguna Semula Bangunan Istana Sebagai Muzium

Langkah paling efektif dalam memelihara teknologi pertukangan yang terdapat di Malaysia adalah dengan melaksanakan pendekatan suaiguna semula sesebuah bangunan warisan (Daeng Haliza Daeng Jamal et al., 2020). dalam bahasa yang mudah difahami adalah dengan menggunakan semula bangunan bersejarah sebagai fungsi baharu. A. Ghafar (2010), telah mentakrifkan penyesuaian semula bangunan bersejarah adalah proses mengubah fungsi bangunan berkenaan kepada satu fungsi yang baharu tetapi masih mengekalkan ciri-ciri serta bentuk asal bangunan terbabit. Di samping itu, Jessen dan Schneider (2003), mentakrifkan penyesuaigunaan semula bangunan warisan adalah dengan mengubah fungsi sesebuah bangunan warisan kepada fungsi yang baharu dengan mengekalkan karakter asal seni bina bangunan bersejarah tersebut. Dalam Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645), penyesuaigunaan semula adalah salah satu daripada kaedah pemuliharaan termasuklah pemeliharaan, pembaikpulihan, pembinaan semula dan penyesuaian atau mana-mana gabungannya (Jabatan Warisan Negara, 2009).

UNIVERSITI
MALAYSIA

KELANTAN

2.7 Pemuliharaan

Menurut kepada ICOMOS (1999) dalam Piagam Burra, pemuliharaan didefinisikan sebagai proses memulihara sesuatu tempat supaya kepentingan budayanya dapat dikekalkan. Prosesnya termasuklah penyenggaraan dan kadang kala termasuk juga proses pemulihan, restorasi dan pembinaan semula serta adaptasi. Di samping itu, Perbadanan Muzium Melaka (2006) pula mendefinisikan pemuliharaan sebagai kerja-kerja baik pulih monumen dan tapak tanah bersejarah dengan menggunakan kaedah mengekalkan seni bina dan bahan binaan yang sama atau hampir sama dengan bahan asal.

Menurut A Ghafar (2006) beliau menegaskan bahawa segala usaha pemuliharaan bangunan warisan perlu dilaksanakan dengan mengambil kira kepentingannya dari segi nilai sejarah, warisan, seni bina, usia, fungsi dan bahan binaannya. Secara umumnya antara kepentingan pemuliharaan bangunan warisan adalah bangunan warisan mempunyai nilai nostalgia, seni bina, estetik, simbolik, sejarah, dokumentasi, arkeologi, ekonomi, sosial dan juga politik serta rohani. Kedua, bangunan warisan berupaya memberi imej dan identiti pada rupa bentuk bandar dan budaya setempat. Ketiga, lokasi dan kawasan persekitaran bangunan warisan berupaya menarik minat para pelancong seterusnya menyumbang kepada pembangunan industri pelancongan dan yang terakhir, bangunan warisan dapat mengingatkan kita kepada sejarah

penjajahan masa lampau seterusnya memberi iktibar kepada generasi akan datang tentang sejarah silam tanah air serta meningkatkan semangat patriotisma.

Terdapat beberapa prinsip asas yang perlu difahami berkaitan aktiviti pemuliharaan terhadap bangunan ini, yang penting adalah dari sudut keaslian (Paiman Keromo, 2006). Keaslian ini terbahagi kepada beberapa elemen utama iaitu keaslian dari segi seni bina, keaslian dari segi bahan-bahan binaan, keaslian pembinaan dan penciptanya dan keaslian dari segi teknik sama ada dari cari pemasangnya mahupun teknik pembuatannya. Seterusnya, menurut Foster (2009), pemuliharaan merupakan satu kaedah melindungi monumen warisan daripada pupus dan merupakan usaha untuk menyelamatkan nilai budaya, estetika dan fungsi yang terdapat pada monumen tersebut.

2.7.1 Perundangan Berkaitan Pemuliharaan Di Malaysia

Di Malaysia, dalam pemuliharaan dan pemeliharaan monumen, bangunan, artifak, kawasan semula jadi dan kebudayaan, Malaysia telah mengubal beberapa akta dan telah dikuatkuasakan bagi tujuan pemuliharaan. Antara akta yang telah digubal dan dikuatkuasakan adalah seperti Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Kanun Tanah Negara 1965 dan Akta Pengambilan Tanah 1960 serta Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645).

1. Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

Dalam akta ini, bagi tujuan pemuliharaan, pihak berkuasa setiap negeri atau pihak berkuasa tempatan boleh membuat peraturan dalam penjagaan monumen, tanah serta bangunan yang mempunyai kepentingan sejarah serta seni bina mengikut peruntukan dalam Seksyen 58 di bawah akta ini. Penggunaan Seksyen 58 ini jelas dapat dilihat dengan pelaksanaan akta ini dalam perancangan guna tanah dalam maksud pembangunan yang digariskan dalam pelan Rancangan Struktur Negeri dan Rancangan Tempatan pihak berkuasa tempatan yang terlibat (Abdul Azizi Hussin, 2011). Menurut Abdul Aziz Hussin (2011) lagi dalam bukunya yang bertajuk Pemuliharaan dan Pemeliharaan Warisan Di Malaysia, akta ini adalah untuk mengadakan kawalan serta peraturan yang sempurna dalam perancangan bandar serta desa yang terletak di bawah penguasaan pihak berkuasa tempatan. Mengikut Seksyen 58 lagi, Pihak Berkuasa Negeri serta majlis yang diberi kuasa dapat membuat kaedah-kaedah seperti melindungi tugu-tugu lama, bangunan lama, tanah serta tapak yang terletak di dalam kawasannya.

Seterusnya, bagi garis panduan perancangan terhadap warisan seni bina pula, pihak berkuasa tempatan mempunyai garis panduan untuk sesiapa yang ingin memajukan dan membangunkan kawasan yang mempunyai bangunan warisan ini. Garis panduan yang terdapat pada pihak berkuasa perancang tempatan merangkumi aspek seperti

ketinggian bangunan, bumbung, muka bangunan (fasad), beranda, tingkap, bahan-bahan, anjakan bangunan serta perkara-perkara lain seperti perletakan papan iklan, alat-alat perlindungan matahari serta bahan hiasan jalan (Abdul Aziz Hussin, 2011). Di samping itu, setiap pengubahsuaian dan perubahan yang dilaksanakan ke atas monumen serta tapak sejarah mestilah mendapatkan kebenaran dahulu daripada pihak berkuasa tempatan yang terlibat. Selain itu, akta ini banyak memberi penekanan dalam penjagaan alam sekitar dan alam bina serta termasuklah dalam penanaman dan pemuliharaan pokok atau landskap, penjagaan topografi di samping pemuliharaan bangunan yang terlibat dalam kawasan pembangunan (Abdul Aziz Hussin, 2011).

2. Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)

Dalam akta ini, Pihak Berkuasa Tempatan yang terdapat di Malaysia telah diberikan kuasa dalam menyumbang kepada penyelenggaraan bangunan-bangunan atau tapak tanah bersejarah serta kuasa dalam mengambil balik tanah bagi tujuan yang sama. Dalam Seksyen 101 (c) (iv) Akta 171, ia menyatakan bahawa Pihak Berkuasa Tempatan boleh memberi serta menerima geran untuk penubuhan serta penyelenggaraan monumen-monumen dan tugu peringatan awam, galeri dan muzium. Selain itu, di bawah akta ini juga Pihak Berkuasa Negeri boleh juga mengecualikan bayaran cukai taksiran ke atas bangunan-bangunan yang hanya digunakan sebagai tempat awam dan bukan tempat untuk mendapatkan keuntungan (Abdul Aziz Hussin, 2011). Menurut Syed Zainol Abidin Iddid, Seksyen 101 (1) (c) (iv) ini memperuntukkan bahawa

pihak berkuasa tempatan telah diberikan kuasa bagi menyumbang kepada penjagaan bangunan serta tapak bersejarah dan mengambil balik tanah bagi tujuan berkenaan dengan penjagaan bangunan atau tapak bersejarah.

3. Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645)

Akta ini telah diwartakan pada 1 Mac 2006 dan kewujudan akt ini adalah untuk perlindungan dan pemuliharaan harta warisan negara. Selain itu, kewujudan akta ini juga dapat menjamin keselamatan bangunan-bangunan bersejarah daripada kemusnahan serta perobohan secara sengaja atau secara langsung oleh pihak yang tidak bertanggungjawab (Abdul Aziz Hussin, 2011). Perwartaan akta ini juga bertujuan bagi memperkukuhkan serta memperkemaskan lagi perundangan yang sedia ada kepada yang lebih terperinci serta untuk menjaga kepentingan warisan negara yang semakin terganggu dan semakin musnah (Abdul Aziz Hussin, 2011). Akta 645 ini juga adalah undang-undang induk yang menjana penyelidikan, pemeliharaan, pemuliharaan serta melakukan promosi dalam pelbagai aspek yang berkenaan dengan warisan. Di samping itu, Akta 645 ini turut merangkumi bidang serta tugas seperti pemuliharaan dan pemeliharaan dan perkara-perkara yang berkaitan dengan warisan kebangsaan, warisan semula jadi, warisan kebudayaan ketara, warisan kebudayaan tidak ketara, warisan kebudayaan di bawah air dan perkara-perkara yang berkaitan dengan harta warisan.

2.8 Struktur Pemuliharaan Di Malaysia

Struktur pemuliharaan di Malaysia melibatkan pelbagai pihak sama ada dalam peringkat kebangsaan mahupun peringkat negeri. Antara pihak yang terlibat dalam pemuliharaan di peringkat kebangsaan di Malaysia adalah Jabatan Warisan Negara manakala di peringkat negeri antara pihak yang terlibat adalah melalui Jabatan Muzium di setiap negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan. Selain itu, di Malaysia Badan Bukan Kerajaan juga turut terlibat dalam pemuliharaan ini.

2.8.1 Kerajaan Pusat

i) Jabatan Warisan Negara

Jabatan Warisan Negara merupakan sebuah badan tertinggi serta berkuasa penuh dalam hal ehwal yang berkaitan dengan perlindungan dan pemuliharaan warisan negara. Sebelum wujudnya jabatan ini pada tahun 2007, segala fungsi yang berkaitan dengan warisan negara dipegang oleh Muzium Negara (Yuszaidy Mohd Yusoff et.al, 2010). Muzium Negara pada ketika itu mempunyai kuasa yang tinggi dalam hal ini termasuklah dalam perlesenan, pendaftaran dan penguatkuasaan. Jabatan Warisan Negara telah diberikan kuasa oleh Akta Warisan Kebangsaan 2005 dan ia berada di atas kesemua muzium (Yuszaidy Mohd Yusoff et.al 2010). Pada tahun 2009 telah ditubuhkan satu kementerian iaitu Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan yang mana ia meletakkan Jabatan Warisan Negara dibawahnya. Jabatan

Warisan Negara ini berfungsi sebagai dalam menguruskan warisan negara terutamanya dalam perlesenan, pendaftaran dan penguatkuasaan serta bahagian warisan budaya. Kuasa yang diberikan adalah berdasarkan peruntukkan dalam Akta Warisan Kebangsaan 2005. Jabatan Warisan Negara turut bertanggungjawab dalam memulihara, memelihara, melindungi dan mempromosikan khazanah warisan yang terdapat di Malaysia. Selain itu, jabatan ini turut terlibat dalam melaksanakan penyelidikan, arkeologi, konservasi bangunan dan monumen, dan perwartaan.

2.8.2 Kerajaan Negeri


i) Pihak Berkuasa Tempatan

Pihak Berkuasa Tempatan mempunyai peruntukan garis panduan khas berkaitan dengan bangunan warisan. Kerajaan Tempatan di setiap negeri mempunyai kekuatan dari segi peruntukan perundangan dan rancangan kemajuan seperti Rancangan Tempatan. Dalam hal ini, Rancangan Tempatan ini akan menghuraikan cadangan-cadangan yang dilaksanakan pada masa akan datang di sesebuah tempat. Kerajaan Tempatan adalah pembahagian geografi yang tidak tertakluk kepada kedaulatan pemerintahan Agong atau Sultan dalam sesebuah negara yang berdaulat atau separuh berdaulat melaksanakan kuasa pemerintahan dalam sesebuah kawasan tertentu.

Bagi kerajaan negeri Kedah, pihak berkuasa telah memperuntukkan kawasan pembangunan terkawal di beberapa bahagian seperti di kawasan persisiran pantai, persisiran sungai, kawasan pulau, zon warisan sejarah, kawasan tadahan air dan empangan. Ini kerana kawasan merupakan sumber terhad dan perlu dipelihara dari sebarang pembangunan komprehensif kerana kepetingannya dari aspek alam sekitar (Rancangan Struktur Negeri Kedah 2002-2020, Kedah Maju 2010, Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kedah Darul Aman dengan Kerjasama Jabatan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia, Disember 2005).

Menurut Inbanathan Kumarasamy (2015), Pihak Berkuasa Tempatan adalah salah satu agensi kerajaan yang terlibat dengan pengurusan harta tanah. Ini kerana semua Pihak Berkuasa Tempatan di Malaysia memiliki pelbagai jenis harta tanah dan menyediakan pelbagai jenis perkhidmatan yang berkaitan dengan harta tanah seperti penyewaan bangunan, penyelenggaraan bangunan, penjualan harta tanah, pembangunan harta tanah dan sebagainya.

ii) Majlis Bandaraya Alor Setar



Rajah 2.1 Carta Oranisasi Majlis Bandaraya Alor Setar

(Sumber: Laman Web Rasmi Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kedah Darul Aman)


2.8.3 Badan Bukan Kerajaan

Dalam usaha memulihara pengekalan warisan di Malaysia, badan bukan kerajaan juga turut memainkan peranan dalam usaha ini. Antara peranan yang boleh diberikan oleh badan bukan kerajaan dalam memulihara warisan adalah seperti menyokong dan melibatkan organisasi dalam agensi kerajaan, membantu mempromosikan hasil warisan,

menghasilkan dan memasarkan warisan, menganjurkan pelbagai kempen serta menganjurkan aktiviti bagi mendekatkan masyarakat dengan warisan. Dalam portal rasmi Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia, antara badan bukan kerajaan yang terlibat dalam warisan di Malaysia adalah seperti Jabatan Bukan Kerajaan, Badan Warisan Malaysia, Persatuan Warisan Pulau Pinang, Malacca Heritage Trust, Persatuan Warisan Perak, Malaysia-Dutch Euroasian Association, Yayasan Anak Warisan Alam, PUSAKA, Badan Warisan Masjid Melayu Leboh Aceh, WWF Malaysia dan Persatuan Alam Semulajadi Malaysia.

Di negeri Kedah, antara badan bukan kerajaan yang terlibat dalam pemuliharaan dan pemeliharaan warisan di negeri Kedah adalah seperti Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah dan Yayasan Tunku Kassim. Selain itu, Yayasan Tunku Kassim ini merupakan sebuah yayasan Diraja yang telah diasaskan dari cetusan pemikiran Yang Teramat Mulia (YTM) Tunku Mansor Ibni AL-Marhum Tunku Kassim bagi mengenangkan jasa Ayahanda Al-Marhum Tunku Kassim. Dalam hal ini, kedua-dua badan bukan kerajaan ini banyak terlibat dalam mempromosikan dan membangkitkan tentang isu yang berkaitan dengan sejarah di negeri Kedah. Yayasan Tunku Kassim ini juga merupakan penggerak utama dalam menjaga dan memelihara Istana Sepachendera di Kedah.

2.8.5 Rajah Struktur Pemuliharaan Di Malaysia



Rajah 2.2: Struktur Pemuliharaan Di Malaysia

(Sumber: Pengkaji)

2.9 Pengaruh Seni Bina Di Malaysia

Pembinaan masyarakat Melayu terdahulu dipengaruhi oleh faktor iklim, agama, sosial dan persekitaran. Dalam kajian yang dilakukan oleh Zahir Zainudin et al., pada 2014 dalam kajian Kepebalgaan Seni Bina dan Struktur Banguna Bersejarah di Melaka, ia menyatakan bahawa perkembangan seni bina di Tanah Melayu sejak berkurun-kurun lamanya kaya dengan warisan unsur-unsur ketimuran dan kebaratan. Selepas seni bina vernakular berlalu, lahir pula seni bina yang mempunyai ciri-ciri barat melalui zaman penjajah kuasa barat seperti Portugis, Belanda dan Inggeris. Selain itu, pedagang dari negara China juga turut membawa idea-idea seni bina seperti rumah kedai dan rumah berderet. Negeri seperti selat seperti Melaka dan Pulau Pinang banyak mewarisi bangunan-bangunan yang bercirikan seni bina zaman penjajah.

Menurut Hussin Jalid (1985), bangunan yang dibina di Malaysia kebanyakannya merangkumi lambang seni bina Nusantara. Bangunan yang mempunyai nilai Nusantara akan mempunyai perbezaannya dari segi bumbung curam, bumbung bertingkat tirus dan juga menaranya. Menurut Farish dan Eddin (2003) pula, motif yang lazimnya digunakan seperti flora menyumbang kepada identiti rantau timur yang berasal dari Empayar Langkasuka. Motif-motif seperti flora, geometri, kaligrafi Arab dan kosmik yang terdapat pada panel daun pintu, dinding, susur tangan

dan komponen pengudaraan mempunyai bentuk dan saiz yang berbeza (Ismail, 2001).

2.9.1 Seni Bina Melayu

Seni bina tradisional Melayu mempunyai ciri yang tersendiri. Seni bina Melayu menggunakan teknologi binaan yang ringkas serta menggunakan bahan-bahan yang mudah dari alam semulajadi yang diperoleh dari dalam hutan (Siti Norlizaiha Harun, 2005). Menurut Siti Norlizaiha Harun (2005) lagi, rumah Melayu ketika itu boleh dilihat dari ciri binaan serta bahan binaan yang digunakan. Contohnya, antara bahan yang digunakan untuk atap atau bumbung adalah seperti daun nipah, ijuk, rumbia dan bertam manakala kayu pula digunakan dalam struktur utama seperti tiang, alang, rasuk, lantai dan dinding. Di samping itu, lapik tiang rumah pula diperbuat daripada batu dan dipasak menggunakan kayu.

Seni bina Melayu terdahulu dapat memberikan contoh yang terbaik dari aspek bahan binaan, teknik serta konsep pembinaan (Ikhmal, 2003). Dahulu, pembinaan rumah Melayu terdahulu dikenali sebagai kedaerahan (Mastor et al., 2009). Seni bina yang dibina selaras dengan gambaran budaya masyarakat Melayu itu sendiri (Daeng Haliza Daeng Jamal et al., 2020). Menurut mereka lagi, rumah Melayu terdahulu serta istana dibina dengan keseimbangan ekologi iaitu menggunakan bahan binaan yang tidak memendapkan haba, reka bentuk bercirikan dengan banyak bukaan

bagi menggalakkan pengudaraan silang, lantai berpanggung, mempunyai tiang dan binaan dengan kawalan pancaran matahari secara terus. Ini bermakna kesemua binaan Melayu terdahulu memilih rumah berpanggung dan bertiang, iaitu lantai dibina secara tinggi daripada permukaan tanah. Ia bertujuan untuk mengurangkan kelembapan daripada tanah dan memberi laluan kepada peredaran udara panas dan menggalakkan udara sejuk masuk (Abdul Halim 1985; Mastor, 2009 dan Shireen, 2012).

Menurut Daeng Haliza Daeng Jamal et al. , (2020), dinding rumah melayu dihasilkan daripada kayu atau anyaman buluh serta beratapkan rumbia, nipah, genting Singgora atau kayu. Di samping itu, menurut Mastor (2009), elemen alam semulajadi dapat memberikan keselesaan kepada penghuni serta menggalakkan pengudaraan semulajadi daripada dalam dan luar rumah. Tingkap biasanya akan menguasai setiap sudut pandangan rumah dan akan memberikan sirkulasi udara yang mencukupi masuk ke dalam rumah (Daeng Haliza Daeng Jamal et al., 2020). menurut beliau lagi, terdapat banyak ruang dalaman yang terbuka luas serta mempunyai dinding pemisah minima. Binaan beranda secara terbuka dan mempunyai cucur atap yang memanjang juga merupakan cara kawalan yang terbaik terhadap pancaran sinaran cahaya dan silau matahari. Menurut Daeng Haliza Daeng Jamal et al. (2020) lagi, dalam membezakan status sosial masyarakat melayu, terdapat berberapa perincian pada reka bentuk rumah seperti bahan binaan, bilangan tiang, motif ukiran serta kemas bumbung berbeza antara rumah rakyat biasa

dengan golongan bangsawan. Perbezaan ini jelas dapat dilihat pada seni bina istana yang memiliki keunikannya yang tersendiri serta perincian setiap struktur binaan yang kemas dan mewah (Daeng Haliza Daeng Jamal et al., 2020).



Gambar 2.1 menunjukkan salah sebuah rumah tradisional melayu.

(Sumber: *google images*)

2.9.2 Seni Bina Kolonial

Seni bina kolonial telah memberi pengaruh dan kesan yang besar dalam seni bina dan rupa bandar di Malaysia. Antara seni bina kolonial yang terdapat di Malaysia adalah peninggalan seni bina Portugis, Belanda dan Inggeris. Seni bina kolonial yang ditinggalkan ini memainkan peranan yang penting dari aspek kesinambungan sejarah, perkembangan fizikal dan geografi rupa bandar (Dr. Siti Norlizaiha Harun). Di samping itu, Dr. Siti Norlizaiha Harun menyatakan lagi dalam penulisan yang bertajuk Sejarah dan Pengaruh Seni bina iaitu bangunan

kolonial ini mempunyai reka bentuk bandar serta pada masa kini menjadi asas kepada tarikan dan imej bandar seperti Bandar Bersejarah Melaka, George Town dan Taiping.

Seterusnya, menurut Prof. Dr Mohd Tajuddin Mohd Rosdi dalam penulisan buku yang bertajuk Warisan Senibina Kolonial Malaysia, beliau menyatakan penjajah Barat terutamanya British telah membentuk senirupa bandar di Malaysia dengan menggabungkan warisan senibina tradisional tropika serta keindahan perkadaran klasikal dengan budaya setempat. Beliau menyatakan lagi bahawa British telah menggabungkan senibina klasik di Eropah dengan senibina Vernakular Melayu dan telah menghasilkan bangunan unik beriklim tropika di Malaysia. Contohnya seperti penggunaan tingkap '*clerestory*' dan '*jack proof*' telah membentuk bangunan daripada batu bukan sahaja tegap serta kalis api, tetapi juga mempunyai kesan terma yang baik. Pengaruh senibina kolonial yang berlaku dengan pesat ini telah menyebabkan senibina Melayu tidak sempat berkembang bersama senibina moden.

Di samping itu, rekabentuk bangunan serta gaya senibina bangunan barat mempunyai keunikan yang tersendiri dari aspek latar belakang negara kolonial serta era atau zaman gaya senibina itu muncul (Dr. Siti Norlizaiha Harun) manakala menurut Wan Ramli Wan Daud (2000) pula, dengan kedatangan Inggeris, senibina Islam Moghul serta Ilmu Hadrasah dalam membentuk kubah, batu-bata dan atap genting sebagai binaan

yang dibawa masuk oleh arkitek Inggeris. Menurut Dr. Siti Norlizaiha Harun, seni bina Inggeris bukan sahaja berpengaruh kepada pembinaan pejabat, institusi dan rumah kerajaan sahaja, malah ia turut mempengaruhi seni bina istana raja-raja Melayu serta masjid pada masa penjajahannya. Antara gaya seni bina barat yang terdapat di Malaysia adalah Moorish, Tudor, Neo-Klasik dan Neo Ghotik (Dr. Siti Norlizaiha Harun).



Gambar 2.2 menunjukkan salah sebuah bangunan dengan seni bina Kolonial yang terdapat di Malaysia

(Sumber: *google images*)

2.9.3 Seni Bina China

Pengaruh seni bina yang dibawa oleh pendatang China turut sedikit sebanyak membentuk rupa fizikal di Malaysia. Menurut Dr. Siti Norlizaiha Harun (2015) dalam kajian yang bertajuk 'Perkembangan Sejarah dan Pengaruh Ke Atas Seni Bina Di Malaysia' , beliau turut menyatakan seni bina bangunan yang terdapat di Malaysia mempunyai pengaruh China. Contohnya, di dalam seni bina tradisional Melaka, ia kaya dengan adanya unsur-unsur seni bina China yang diseragamkan pada binaan rumah kediaman Melayu Melaka mengikut kehendak masyarakat tempatannya sendiri. Di Malaysia, seni bina China terdiri daripada dua jenis iaitu tradisional serta Baba-Nyonya. Contoh seni bina tradisional China adalah seperti tokong Cina yang terdapat di seluruh negara seperti Tokok Cheng Hoon Teng yang dibina pada tahun 1946 manakala seni bina warisan Boba-Nyonya dapat dilihat di sekitar Pulau Pinang dan Melaka seperti rumah lama yang dibina dengan halaman dihiasi dengan jubin berwarna-warni.

Menurut Dr. Siti Norlizaiha Harun (2015) lagi, bahan binaan pertama yang diimport masuk ke Melaka adalah genting tanah liat pada tahun 1409 untuk membina kediaman istana. Selain itu, pengaruh pendatang China pada abad ke 14 dapat dilihat pada masjid seperti Masjid Tengkeru. Di masjid ini, hiasan dan ukiran pada bahagian hujung atau puncak masjid seperti rumah berhala Cina tetapi motif ini diabstrakkan dengan motif alam flora bersesuaian dengan agama Islam (Dr. Siti

Norlizaiha Harun, 2015). Seterusnya, pada awal tahun 1870 hingga 1880, kaum pendatang telah membina rumah-rumah kedai bagi menempatkan bahan dan barang perniagaan.

Di samping itu, pengaruh seni bina China juga turut bersandarkan kepada pelayaran Cheng Ho yang berlaku sekitar abad ke 15 Masihi yang telah membawa bersama keunikan reka bentuk dan seni bina China ke Nusantara. Berdasarkan kajian sejarah, pengaruh seni bina China di Melaka terjadi apabila berlakunya hubungan dua hala yang erat antara Kerajaan Melaka dengan Kerajaan China semenjak zaman Parameswara dan Dinasti Ming. Hubungan ini diteruskan lagi pada zaman pemerintahan antara Sultan Muzaffar Shah dan semakin akrab pada zaman Sultan Mansor Shah dengan adanya perkahwinan antara Sultan Mansor Shah dengan Puteri China, Hang Li Po. Selain itu, hubungan erat ini memungkinkan lagi dengan kedatangan pedagang-pedagang China untuk berniaga di Melaka serta terdapat sebilangan dari mereka yang berkahwin dengan wanita tempatan dan terus menetap di sini.

UNIVERSITI
MALAYSIA

KELANTAN



Gambar 2.3 menunjukkan salah sebuah seni bina China yang terdapat di Malaysia.

(Sumber: *google images*)

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

2.9.4 Seni Bina Thailand

Apabila kerajaan Sukhothai telah ditubuhkan oleh Raja Indraditya pada tahun 1780, kebanyakan bangunan di Thailand direka bentuk dalam bentuk simbolik Buddha. Reka bentuk ini terus berkembang sepanjang Zaman Ayutthaya dengan seni bina ini dianggap sebagai salah satu pencapaian dan kuasa budaya Siam. Istana di Thailand juga banyak menggunakan seni bina gaya barat dan turut mengekalkan beberapa unsur tradisional mereka. Bangunan lain di Thailand dengan pengaruh Eropah dapat dilihat dengan jelas termasuk Vimanmek Mansion yang dibina di daerah Dusit, Bangkok dan Istana Italia Bang Pa-In yang dibina oleh Raja Chulalongkorn. Di samping itu, seni bina Thai juga mempamerkan perbezaan wilayah yang berbeza dengan timur laut negara itu pernah menjadi sebahagian besar empayar Khmer. Hasilnya, Kuil Prasat Hin Khao Phanom Rung dan Prasat Khao Phra Viharn mempamerkan unsur seni bina Khmer. Di utara pula mempunyai pengaruh Burma yang telah dibina semasa pendudukan ketika Kerajaan Lanna.

Seni bina Thailand mempunyai elemen bumbung yang menarik. Bumbung merupakan elemen asas dalam seni bina Thailand yang membentuk watak bangunan dengan struktur dan hiasan yang menarik. Bumbung seperti bumbung berbilang tingkat yang berhias hanya dikhaskan untuk kuil, istana serta bangunan awam seperti pejabat kerajaan, dewan universiti dan monumen. Hiasan yang terdapat pada bumbung bangunan melambangkan prestij bangunan itu sendiri yang merangkumi status diraja, agama buddha dan

negara Thailand. Lebih banyak hiasan bumbung, lebih tinggi status bangunan atau orang yang membuatnya.



Gambar 2.4 menunjukkan salah satu seni bina Thailand.

(Sumber: *google images*)

2.10 Rumusan Bab

Secara kesimpulannya, pada bab ini telah membantu pengkaji untuk mengumpul dan menganalisis kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan kajian pengkaji iaitu Kajian Terhadap Pemuliharaan di Istana Sepachendera, Alor Setar, Kedah. Kesemua kajian literatur yang dipilih terdapat kesinambungan dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji.

Dengan membuat kajian literatur ini, pengkaji juga dapat melihat skop kajian, metodologi kajian yang digunakan serta dapatan kajian daripada kajian lepas dengan lebih jelas lagi. Dari segi permasalahan kajian yang dihadapi, kajian literatur ini mampu menjadi pengumpul maklumat yang pelbagai berkenaan dengan permasalahan yang ingin dikaji. Dalam hal ini, melalui kajian literatur ini pengkaji dapat mengenalpasti samada permasalahan yang ingin dikaji telah dijalankan oleh penyelidik lain atau mengembangkan idea pengkaji berkaitan dengan permasalahan yang berlaku terhadap kajian pengkaji.

MALAYSIA

KELANTAN

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan secara terperinci kaedah atau metodologi yang digunakan dalam melakukan kajian ini. Metodologi kajian ini bertujuan menjadikan kajian yang dijalankan lebih sistematik dan supaya penyelidikan yang dijalankan mempunyai kaedah yang paling sesuai serta berkesan dalam menjawab permasalahan kajian. Dalam Kamus Dewan Keempat (2005, p.1083), telah mendefinisikan metodologi sebagai kaedah, jalan, teknik, gaya, ragam, rentak, corak dan sistem. Pengkaji telah merancang dengan teratur metodologi kajian dan strategi-strategi yang digunakan untuk mendapatkan maklumat dan data melalui kaedah-kaedah tertentu.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian merujuk kepada kaedah yang telah digunakan oleh pengkaji dalam menghasilkan sesebuah kajian. Kaedah kajian ini terbahagi kepada dua iaitu kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif. Dalam kajian yang dijalankan ini, pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif sepanjang menjalankan kajian ini yang terdiri daripada temubual, pemerhatian dan kajian perpustakaan.

3.2.1 Kaedah kualitatif

Menurut Denzin dan Lincoln (1994) mengenai penyelidikan kualitatif yang dipetik daripada laporan Zainal Ariffin Bin Zainuddin dan Saiful Azmi Bin Mohd Noor, bermaksud sebuah penyelidikan yang melibatkan kepelbagaian kaedah secara terfokus, termasuk dengan pendekatan naturalistik ataupun semula jadi untuk menyelidik sesuatu subjek. Dalam hal ini, ia bermakna menerusi kaedah ini, kajian yang dilakukan secara berdepan dengan subjek yang dikaji tanpa perlu melalui proses empirial seperti kaedah kuantitatif. Pendekatan kaedah ini sangat bersesuaian dengan tajuk penyelidikan kerana kajian yang dilaksanakan bersifat kajian pemerhatian. Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih menggunakan kaedah kajian perpustakaan seperti jurnal, surat khabar, laporan, buku, tesis dan internet serta temubual dan pemerhatian.

3.2.2 Kaedah kuantitatif

Kaedah kuantitatif pula digunakan bagi mendapatkan maklumat hasil tinjauan dan kaedah esperimental. Reka bentuk kajian akan ditetapkan sebelum data dipungut. Pengkaji perlu mengkaji populasi atau sampel yang mewakili populasi. Saiz sampel berskala besar dan dipilih beraskan kebarangkalian.

3.3 Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah pengumpulan data ini terbahagi kepada dua jenis iaitu data primer dan dan sekunder. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan kedua-dua kaedah iaitu kaedah pengumpulan data primer dan kaedah pengumpulan data sekunder.

3.3.1 Data Primer

Menurut Rohana (2004), data primer merupakan persembahan data maklumat yang diperoleh daripada sumber asli atau maklumat dari orang pertama. Secara umumnya, maklumat ini tidak mengandungi unsur penambahan fakta yang berlebihan kerana maklumat yang didatangkan hasil daripada sumber dapatan individu berpengalaman yang secara langsung berinteraksi dengan hal yang dikaji. Contoh maklumat yang diperoleh daripada data primer adalah seperti pemerhatian, temubual serta soal selidik.

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah pengumpulan data daripada sumber data primer dalam mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan objektif pertama iaitu untuk mengenalpasti nilai kepentingan yang terdapat pada Istana Sepachendera, objektif yang kedua iaitu untuk mengenalpasti tahap pengekalan pada Istana Sepachendera dan objektif yang ketiga iaitu mengenalpasti faktor yang mempengaruhi pemuliharaan Istana Sepachendera. Sumber data primer ini digunakan agar dapat mengukuhkan lagi hasil dapatan kajian dan menghasilkan perolehan data berkaitan tajuk kajian dengan lebih tepat. Pengkaji telah menggunakan dua kaedah dalam pengumpulan data ini melalui pemerhatian dan temubual.

1. Pemerhatian

Dalam kaedah pemerhatian, ia terbahagi kepada dua iaitu pemerhatian secara penglibatan dan pemerhatian secara terus. Dalam hal ini, pengkaji telah menggunakan kedua-dua kaedah pemerhatian ini agar dapat menjawab kesemua objektif dan persoalan kajian yang dinyatakan. Pengkaji akan pergi meninjau kawasan kajian iaitu Istana Sepachendera di Alor Setar, Kedah. Pemerhatian secara terus ini akan melibatkan pemerhatian secara langsung seperti mengenalpasti tahap pengekalan pada bangunan Istana Sepachendera ini.

2. Temubual

Kaedah temubual merupakan kaedah yang dijalankan untuk mendapatkan maklumat secara langsung daripada sumber pemberi maklumat. Denzin (2001) mendefinisikan temubual sebagai perbualan dua hala yang bertujuan untuk mengumpul data kajian secara temu ramah. Temubual yang dilakukan melibatkan individu-individu yang mempunyai kepentingan kepada kajian yang dijalankan. Terdapat tiga bentuk temubual yang digunakan dalam memperoleh data iaitu temubual berstruktur, temubual tidak berstruktur dan temubual semi struktur.

Dalam temubual berstruktur, ia merupakan temubual yang dilakukan dengan kerangka soalan yang telah disediakan. Dalam hal ini, responden perlu menjawab soalan-soalan yang dikemukakan tanpa memberi maklumat tambahan kenapa penemubual. Temubual ini lebih kepada secara formal dan ia bersesuaian bagi sasaran responden yang terdiri daripada sektor kerajaan dan berpangkat tinggi dalam sesebuah organisasi.

Temubual tidak berstruktur pula adalah temubual yang tidak mempunyai format tertentu di dalam penyediaan soalan. Temubual ini lebih kepada santai serta soalan yang ditanya bersifat terbuka. Dalam temubual ini, responden bebas berkongsi maklumat dengan penemubual. Sebaliknya, temubual tidak berstruktur ini boleh menyebabkan tiada maklumat khusus yang diperolehi. Dapatan hasil dari temubual ini harus

dianalisis segera agar membolehkan pengenalanpastian topik serta tema yang bersesuaian dengan topik kajian.

Temubual semi struktur adalah temubual yang menggabungkan soalan berbentuk struktur dan tidak berstruktur. Dalam hal ini, soalan dalam temubual ini perlu dirangka awal di mana penemubual telah mempunyai ramalan kepada jawapan yang diberikan oleh responden. Format temubual ini pula lebih kepada spontan sewaktu temubual dijalankan. Dapatan daripada hasil temubual ini boleh ditentukan kerana soalan tambahan boleh ditambah sepanjang temubual dilaksanakan bagi memastikan responden benar-benar memberi maklumat yang diperlukan dalam kajian yang dijangka.

3.3.2 Data Sekunder

Menurut Sabitha Marican (2005), data sekunder merupakan data yang telah dikumpulkan oleh pengkaji atau penyelidik yang lain. Antara contoh maklumat yang boleh diperolehi melalui data sekunder adalah melalui kaedah analisis dokumen yang terdiri daripada dokumen awam, arkib, dokumen pentadbiran dan lain-lain lagi. Dalam hal ini, kaedah analisis dokumen merupakan satu kaedah pengumpulan data yang melibatkan penghuraian semula analisis kandungan daripada instrumen kajian yang digunakan seperti akhbar, majalah, jurnal, buku, kitab, laporan bertulis dan sebagainya. Ia juga boleh diperolehi daripada bahan

elektronik seperti filem, drama, rancangan televisyen serta papan iklan (Ahmad Sunawari Long, 2008).

Menurut Jasmi (2012), penganalisis data dalam kaedah ini akan merujuk kepada kandungan yang terdapat pada instrumen kajian yang digunakan, sama ada dalam bentuk teks, gambar, simbol dan sebagainya yang mempunyai makna kepada kajian yang dilakukan. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan beberapa instrumen kajian daripada data sekunder seperti keratan akhbar, jurnal, buku, dokumen dari laman web bagi mendapatkan maklumat untuk menjawab objektif kajian yang telah ditetapkan di dalam kajian. Bagi mengumpulkan maklumat kajian, pengkaji telah melakukan kajian perpustakaan di perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan, Bachok.

1. Buku

Antara buku yang dijadikan rujukan oleh pengkaji adalah buku yang ditulis oleh Saidatulakmal Mohd, Azlinda Azman dan Jamalluddin Sulaiman yang bertajuk Kelestarian Warisan Negara yang diterbitkan oleh Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Univeristi Sains Malaysia tahun 2011 serta buku yang bertajuk Pemuliharaan Warisan, Pendokumentasian Kajian yang disunting oleh Rahimah Abdul Aziz, Chan Kim Ling dan Sharina Abdul Halim yang diterbitkan oleh Univeristi Kebangsaan Malaysia tahun 2012.

2. Jurnal

Pengkaji menggunakan rujukan daripada jurnal yang berkaitan dengan tajuk kajian pengkaji iaitu jurnal yang bertajuk Pelestarian Warisan Seni Bina Melayu: Tinjauan Ke Atas Guna Semula Istana Kenangan, Kuala Kangsar, Perak yang disediakan oleh Daeng Haliza Daeng Jamal, Norazlinda Rosdi dan Zuliskandar Ramli yang diterbitkan oleh Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia pada Disember, 2020 dalam Jurnal Arkeologi Malaysia.

3. Surat Khabar

Pengkaji turut menggunakan rujukan perpustakaan daripada surat akhbar. Surat khabar yang dirujuk adalah Berita Harian Online yang bertajuk Istana Sepachendera dibina dengan madu lebah, putih telur yang ditulis oleh Suzalina Halid pada 2 Oktober 2015.

4. Tesis

Antara tesis yang dijadikan rujukan dan panduan bagi pengkaji dalam membuat penulisan dalam projek penyelidikan ini adalah Tesis Doktor Falsafah (PHD) yang bertajuk *"Influences of The Arhitecture of Istana Lama Seri Menanti in Retropective"* yang ditulis oleh N. Zainal Abidin, R.N. Raja Shahminan dan F.K. Ibrahim.


5. Internet

Antara laman sensawang yang digunakan dalam mendapatkan maklumat berkaitan kajian adalah Laman Web Rasmi Kerajaan Negeri Kedah dan Laman Web Rasmi Jabatan Warisan Negara.

3.3.3 Kajian Lapangan

Lawatan secara langsung ke kawasan lapangan adalah kaedah yang paling penting. Menurut Cottingham (2002), pemerhatian merupakan salah satu proses kegiatan pemetaan yang berperanan dalam memahami ilmu sains kebumian atau lingkungan. Dalam hal ini, pengkaji akan memilih pemerhatian berstruktur di mana ia lebih sistematik dan memfokuskan kepada aspek-aspek yang telah ditetapkan dalam kajian. Pengkaji akan melawati Istana Sepachendera di Alor Setar, Kedah bagi melihat sendiri nilai kepentingan yang terdapat pada istana ini serta tahap pengekalannya. Dalam kaedah ini, pengkaji akan merekodkan data-data yang diperolehi melalui gambar, rakaman serta catatan untuk dimasukkan ke dalam laporan kajian yang dilaksanakan.

3.4 Carta Alir Metodologi Kajian



Rajah 3.1: Carta alir metodologi kajian.

(Sumber: Pengkaji)

Carta alir ini bertujuan untuk memudahkan pemahaman dan menjadi rujukan kepada pengkaji sendiri untuk proses pengumpulan data. Dalam carta alir di atas, pengkaji dapat melihat dengan jelas instrumen kajian yang perlu digunakan bagi memperoleh maklumat berkaitan objektif yang ingin dicapai di dalam kajian ini.

3.5 Jadual Pendekatan Kajian

| Bil | Objektif Kajian | Sumber | Kaedah Kajian |
|-----|---|---------------------|--------------------------------|
| 1 | Mengenalpasti nilai kepentingan warisan yang terdapat pada Istana Sepachendera. | Primer dan sekunder | Temubual dan analisis dokumen. |
| 2 | Mengenalpasti tahap pengekaln pada Istana Sepachendera. | Primer dan sekunder | Temubual dan analisis dokumen. |
| 3 | Mengenalpasti faktor yang mempengaruhi usaha pemuliharaan Istana Sepachedera. | Primer dan sekunder | Temubual dan analisis dokumen. |

Jadual 3.1: Objektif, sumber dan kaedah kajian yang digunakan di dalam kajian Pemuliharaan Terhadap Istana Sepachendera di Alor Setar, Kedah.

Kajian yang dilakukan oleh pengkaji melibatkan objektif kajian yang bertujuan untuk mengetahui tentang nilai kepentingan, tahap pengekaln dan faktor yang mempengaruhi pemuliharaan di Istana Sepachendera

Alor Setar, Kedah. Bagi menjawab objektif kajian, pengkaji telah menggunakan dua sumber utama iaitu sumber primer dan sumber sekunder. Dalam menjawab objektif-objektif yang dinyatakan di dalam bab satu, pengkaji akan menggunakan kaedah temubual serta pemerhatian dan analisis dokumen yang terdiri daripada buku, jurnal, tesis, surat khabar dan internet.

3.6 Analisis Data

Berdasarkan kaedah pemerolehan data pengkaji, terdapat cadangan yang boleh digunakan dalam menganalisis data tersebut dengan menggunakan pendekatan pengkodan bagi kaedah temubual dan analisis perpustakaan ke atas analisis berbentuk dokumen dan temubual. Menurut Dr Wan Mohd Khairul Firdaus Bin Wan Khairuldin, kaedah pengkodan adalah kaedah yang digunakan bagi mendapatkan maklumat menerusi data berbentuk kualitatif terutama dalam sumber yang diperoleh secara temubual. Dalam hal ini, temubual yang dilakukan oleh pengkaji akan direkodkan kembali dalam kaedah penulisan dengan menggunakan bahasa dan perkataan asal sewaktu temubual dijalankan.

Seterusnya, analisis data terhadap perkara yang penting yang diberikan oleh responden akan dikeluarkan mengikut tema dan topik kecil yang berkaitan dengan tajuk kajian. Proses pengkodan ini sangat penting kerana berkemungkinan perbezaan dialek di antara penutur dan

penemubual semasa proses temubual dilakukan akan menyebabkan maklumat yang disampaikan oleh penutur atau responden sukar untuk ditafsirkan. Dalam hal ini, sebuah teks yang memvisualkan perkataan demi perkataan yang disampaikan akan ditulis di dalam proses pengkodan ini agar maklumat yang diperlukan dapat difahami. Ia bukan sahaja untuk pengkaji, malah untuk sesiapa sahaja yang memerlukan maklumat dari sumber temubual yang dilakukan.

Dalam proses pengkodan ini, terdapat tiga jenis proses pengkodan yang boleh digunakan atau dipakai yang terdiri daripada *Open Coding*, *Axial Coding* dan *Selective Coding*. Dalam kajian yang dilakukan ini, pengkaji telah memilih untuk menggunakan proses *Selective Coding* yang melibatkan proses pengkodan yang memberikan makna dan maklumat kepada kajian yang sedang dilakukan sahaja. Di samping itu, bagi cadangan dalam proses analisis terhadap instrumen temubual dan analisis dokumen pula, kaedah yang telah digunakan adalah melalui analisis pembacaan secara teliti dalam memperolehi maklumat yang jelas serta bermakna kepada kajian yang dilakukan.

3.7 Jangkaan Dapatan Kajian

Hasil kajian dijangkakan akan dapat membantu dalam mengenalpasti nilai kepentingan warisan yang terdapat pada Istana Sepachendera. Hal ini dapat menyampaikan nilai kepentingan warisan yang terdapat pada Istana ini kepada pihak yang berwajib dan orang ramai yang tidak mengetahuinya. Selain itu, dijangkakan bahawa identiti Istana Sepachendera juga dapat dirungkaikan melalui kajian ini selaras dengan metodologi yang diambil.

Seterusnya, jangkaan hasil kajian ini juga dapat mengenalpasti tahap pengekalan pada bangunan Istana Sepachendera ini. Bangunan Istana Sepachendera ini telah lama dibiarkan dan menyebabkan berlaku banyak kerosakan. Justeru itu, dijangkakan kajian ini akan menemui tahap pengekalan yang istana ini. Dalam hal ini, melalui dapatan dalam tahap pengekalan pada istana ini, ia akan membantu dalam proses pemuliharaan yang dijalankan pada masa akan datang.

Akhir sekali, jangkaan hasil kajian ini akan mengenalpasti kepentingan pemuliharaan Istana Sepachendera. Dapatan dalam kepentingan pemuliharaan di istana ini dapat membuka mata pihak yang berwajib dalam menjalankan proses pemuliharaan ke atas istana ini.

3.8 Rumusan Bab

Secara rumusannya, bab metodologi kajian ini menceritakan pendekatan kajian yang bersesuaian untuk digunakan dalam kajian yang dijalankan ini. Pendekatan kualitatif menjadi sumber utama dalam metodologi kajian ini kerana aspek penyelidikan yang diketengahkan di dalam penyelidikan ini adalah berkaitan dengan objektif kajian. Di samping itu, pendekatan kualitatif ini lebih sesuai dengan kajian ini kerana ia melibatkan perolehan maklumat yang memerlukan sumber pembacaan dan pendapat daripada individu-individu yang penting.

Seterusnya, bab ini telah menceritakan jenis instrumen kajian yang telah digunakan dalam kajian ini. Terdapat dua jenis sumber perolehan data yang digunakan iaitu sumber primer dan sumber sekunder. Temubual dan analisis dokumen telah digunakan bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan dan seterusnya dianalisis bagi menjawab tiga objektif kajian. Akhir sekali, bab ini turut menjelaskan tentang cadangan analisis data yang akan digunakan dalam kajian bagi mencapai matlamat dalam penulisan bahagian dapatan kajian.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab ini merupakan bahagian yang akan merungkai serta menyatakan maklumat yang telah diperolehi dan telah dianalisis oleh pengkaji berdasarkan tajuk kajian dan objektif kajian yang telah dinyatakan. Bab ini sangat penting dalam projek penyelidikan kerana dalam bab ini akan menjawab setiap objektif dan permasalahan kajian yang telah dinyatakan dalam bab 1 sebelum ini. Dapatan kajian ini merangkumi tiga objektif yang telah dinyatakan oleh pengkaji iaitu pertama adalah mengenalpasti nilai kepentingan warisan Istana Sepachendera, kedua adalah mengenalpasti tahap pengekalan pada Istana Sepachendera dan yang ketiga adalah mengenalpasti kepentingan pemuliharaan Istana Sepachendera. Beberapa temubual telah dilakukan serta tinjauan ke lokasi kajian bagi mendapatkan maklumat berkaitan dengan Istana Sepachendera ini.

Pengkaji turut melakukan kajian di sekitar kawasan Istana Sepachendera yang berada di tengah bandar Alor Setar dengan menemubual beberapa orang responden. Pengkaji menemubual seorang arkitek yang mempunyai kepakaran dalam seni bina bangunan, seorang wakil dari Yayasan Tunku Kassim yang merupakan pihak NGO yang menjaga kawasan istana serta seorang penolong kurator dari Muzium Negeri Kedah. Temubual yang dilakukan ini sangat penting dan membantu pengkaji dalam mendapatkan maklumat yang diinginkan.

4.2 Latar Belakang Responden

Responden adalah pihak yang dijadikan sebagai sampel dalam sesuatu penilaian kajian. Responden ini berperanan dalam memberikan maklumat dan menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh pengkaji. Jadual 4.1 dibawah menunjukkan pecahan nama, tempat dan tarikh temubual yang dijalankan antara pengkaji dengan responden.

| Bil | Nama Responden | Jawatan | Tarikh Temubual | Kod Responden |
|-----|--|---|----------------------|---------------|
| 1 | Encik Jamil Bin Haji Ramli | Ahli Jawatan Kuasa Yayasan Tunku Kassim dan Anjung Warisan Pak Wan | 28 September 2021 | A |
| 2 | AR Wan Iskandar Zulkarnain Bin Dato Wira Dr Hj Wan Samsudin | Pengurus Anjung Warisan Pak Wan dan merupakan seorang arkitek. | 28 September 2021 | B |
| 3 | Encik Zulhiberi Bin Mat | Penolong Kurator Kanan Muzium Negeri Kedah | 5 Oktober 2021 | C |

Jadual 4.1 Nama-nama responden yang ditemubual.

4.3 Nilai Kepentingan Warisan Istana Sepachendera.

Dalam Akta Warisan Kebangsaan 2005, warisan kebangsaan diertikan sebagai mana-mana tapak warisan, objek warisan, warisan kebudayaan di bawah air atau mana-mana orang hidup yang disyiharkan sebagai warisan kebangsaan di bawah seksyen 67. Dalam seksyen 67 memperuntukkan warisan kebudayaan ketara termasuklah kawasan, monumen dan bangunan serta warisan kebudayaan yang penting yang bermaksud warisan kebudayaan yang mempunyai nilai estetik, arkeologi, seni bina, kebudayaan, sejarah, saintifik, sosial, spiritual dan linguistik.

Menurut Jabatan Warisan Negara (2009), bangunan yang hendak diklasifikasikan sebagai bangunan bersejarah mestilah memenuhi tiga kriteria warisan kebangsaan iaitu mempunyai hubungan atau kepentingan dengan sejarah Malaysia, memiliki ciri-ciri reka bentuk seni bina atau estetik yang menarik serta mempunyai hubungan sosial atau kebudayaan. Mengikut kriteria di atas, dapat dilihat bahawa Istana Sepachendera juga perlu diangkat sebagai salah satu bangunan warisan di Malaysia kerana ia memenuhi ketiga-tiga kriteria klasifikasi bangunan bersejarah.

Istana Sepachendera telah dibina pada April 1882. Istana ini terletak di Jalan Kampung Baharu, Alor Setar, Kedah. Istana ini turut dikenali sebagai Istana Kampung Baru. Istana ini telah dibina oleh Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah. Pembinaan istana ini dikhususkan kepada isteri pertama

baginda iaitu Che Sepachedera. Di istana ini, Che Sepachendera telah melahirkan lima cahaya mata iaitu Tunku Ibrahim (Tunku Sulung), Tunku Rokiah, Tunku Zamzam, Tunku Fatimah dan Tunku Kassim (Tunku Laksamana).

Selepas kemangkatan Che Sepachendera pada tahun 1907, istana ini masih lagi digunakan dan diduduki. Pada tahun 1922, Tunku Ibrahim yang amat penting dan prihatin terhadap pendidikan di negeri Kedah telah menjadikan istana ini sebagai sebuah sekolah yang dikenali sebagai Sekolah Perempuan Kampung Baru. Sekolah ini merupakan sekolah Inggeris pertama di negeri Kedah. Pada tahun 1945, ketika dijajah oleh Jepun, istana ini telah dijadikan sebagai Pusat Bahasa Jepun dan Pejabat Pemadam Kebakaran. Pada tahun 1946, bangunan istana ini dijadikan sebagai Sekolah Sultanah Asma. Pada tahun 1954 pula, istana ini telah dijadikan sebagai Sekolah Rendah Tunku Abdul Halim dan pada tahun 1983 telah dijadikan sebagai Jabatan Pendidikan Negeri Kedah. Kali terakhir istana ini dihuni dan digunakan adalah pada tahun 2000 oleh pelajar Kolej Universiti Insaniyah. Kini bangunan istana ini berada di bawah hak milik pihak kerajaan negeri Kedah.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN



Gambar 4.1 menunjukkan pelajar lelaki Sekolah Rendah Tunku Abdul Halim di Istana Sepachendera semasa istana ini dijadikan Sekolah Rendah Tunku Abdul Halim pada 1954.

(Sumber: Anjung Warisan Pak Wan)

Seni bina istana ini pula adalah gabungan daripada seni bina Siam, Kolonial dan Melayu. Pada ketika itu, seni bina Siam dipengaruhi oleh seni bina barat. Reka bentuk istana ini sama seperti sebuah bangunan rumah agam yang terletak di Pulau King Chulalongkorn, Thailand. Selain itu, keunikan istana ini adalah ia dibina menggunakan cengkerang, putih telur dan madu lebah dalam binaannya. Bahagian dalam istana ini diperbuat daripada kayu dan mempunyai dua tingkat serta tangga berbentuk 'curve' yang diperbuat daripada kayu.

Menurut AR Wan Iskandar Zulkarnain iaitu seorang arkitek dan juga penaung bagi Anjung Warisan Pak Wan, beliau menyatakan bahawa bangunan

Istana Sepachendera ini tidak sama seperti bangunan yang lain kerana bahagian hadapannya berbentuk 'curve'. Di samping itu, pada tingkat atas Istana ini iaitu dibahagian hadapan terdapat sebuah bilik ataupun dikenali sebagai 'deck'. 'Deck' ini merupakan tempat untuk sultan melihat kawasan sekeliling istana. 'Deck' yang terdapat pada istana ini merupakan yang pertama di dunia dan ia menggunakan konsep 'rooftop garden'. Di bahagian belakang istana ini terdapat sebatang sungai iaitu Sungai Raja. Sungai ini merupakan sumber air utama suatu ketika dahulu dan juga sebagai jalan. Sungai ini turut bersambung dengan sungai yang terdapat di Istana Anak Bukit, Kedah.



Gambar 4.2 menunjukkan bangunan Istana Sepachendera.

(Sumber: Pengkaji)



Gambar 4.3 menunjukkan Sungai Raja yang terletak di belakang Istana Sepachendera.

(Sumber: Pengkaji)

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.3.1 Nilai Kepentingan Warisan Dalam Sejarah di Istana Sepachendera.

Istana Sepachendera ini mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Istana ini dibina oleh Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah untuk isteri pertama baginda iaitu Che Sepchendera. Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah merupakan seorang sultan yang berpengaruh di negeri Kedah.

a) Latar Belakang Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah

DYMM Almarhum Tuanku Sultan Abdul Hamid Halim Shah Ibni Almarhum Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah merupakan Sultan Kedah yang ke-26. Baginda telah memerintah negeri Kedah selama 61 tahun bermula dari tahun 1882 hingga tahun 1943. Pelantikan baginda sebagai Sultan Negeri Kedah yang ke-26 telah disahkan oleh Raja Siam iaitu Raja Rama IV. Baginda dilantik menjadi sultan Kedah menggantikan kakandanya iaitu DYMM Sultan Zainal Rashid Mu'adzam Shahh II Ibni Almarhum Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah.

Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah mempunyai hubungan yang sangat baik dengan Kerajaan Siam. Antara anugerah yang diterima baginda oleh kerajaan Siam adalah seperti gelaran 'Order the White Elephant First Class', 'Chao Saiburi ' serta pangkat 'Chao Phya Riddisongkran Bakti'. Kerajaan Siam turut melantik baginda menjadi Pesuruhjaya Tinggi Setul (Satun) dan Perlis.

Semasa pemerintahan baginda, banyak perubahan yang telah berlaku dalam bidang ekonomi di negeri Kedah. Antaranya adalah baginda memberi galakan kepada rakyat jelata untuk menanam padi. Baginda juga telah meluluskan dan menghasilkan satu terusan sepanjang 35.4 kilometer dengan kelebaran 7.3 meter serta sedalam 1.5 meter dari Sungai Kedah sehingga ke kaki Gunung Jerai. Terusan ini telah dinamakan sebagai Terusan Wan Mat Saman. Baginda turut dikenali sebagai bapa moden Kedah kerana baginda banyak membawa perubahan kepada negeri Kedah.

Seterusnya, semasa pemerintahannya, baginda telah melantik badan bagi membantunya dalam menguruskan pentadbiran negeri dengan menubuhkan Jemaah Pemangku Raja. Bagi memperkukuhkan lagi pengetahuannya sebagai pemerintah, baginda sering melakukan lawatan ke negeri-negeri lain bagi melihat kemajuan serta mempelajari cara dalam menguruskan negeri. Baginda sering melawat Bangkok terutamanya ketika hari perayaan atau hari keputeraan Raja Rama IV. Baginda turut melawat Rangoon (Yanggon), Mandalay, Bombay (Mumbai) dan turut menghadiri upacara pertabalan Raja Inggeris iaitu King George V pada tahun 1911.

Baginda banyak membawa perubahan dalam pentadbiran di negeri Kedah. Baginda telah menubuhkan berberapa jabatan seperti Jabatan Perbendaharaan, Jabatan Tanah dan Ukur, Jabatan Audit, Pejabat Besar Pos, Pejabat Telekom dan Mahkamah Keadilan. Di samping itu, baginda turut mencadangkan penubuhan pasukan polis bagi menjamin keselamatan negeri

Kedah. Selain dalam bidang pentadbiran, baginda turut menitikberatkan hal agama. Baginda merupakan individu yang telah menubuhkan Majlis Ulama dan pembinaan Madrasah Hamadiyah di Limbung Kapal serta memperkenalkan pembinaan Maktab Mahmud. Seterusnya, baginda juga sangat prihatin terhadap masjid-masjid di negeri Kedah. Ketika pulang dari Siam pada 1885, baginda telah memberi perhatian terhadap kerja-kerja pembinaan Masjid Zahir iaitu masjid tertua di negeri Kedah dengan mengambil inspirasi dari masjid di Aceh sebagai rekabentuknya. Baginda juga turut memperkenalkan pemakaian jubah bagi kakitangan masjid.

Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah merupakan seorang yang pintar dan hebat dalam mentadbir negeri. Baginda juga mahir dalam pelbagai bidang bahasa seperti bahasa Inggeris, Arab dan Siam. Baginda turut peka dan prihatin terhadap pendidikan bagi rakyatnya. Pada ketika itu, banyak sekolah yang telah didirikan oleh baginda di negeri Kedah seperti di Kulim pada tahun 1896, Jalan Baru Alor Setar pada 1898, Yan pada 1900, Simpang Empat Kangkung pada tahun 1906 dan Junjung, Kulim pada tahun 1906. Baginda telah menubuhkan sekolah Inggeris pertama di Kedah iaitu di Alor Setar pada tahun 1908 iaitu Kolej Sultan Abdul Hamid.

Ketika penghujung pemerintahan baginda telah kehilangan ramai kerabat yang sebelum ini membantu baginda dalam mentadbir negeri Kedah seperti Tunku Aziz, Tunku Ibrahim dan Tunku Mahmud. Baginda telah melarikan diri bersama dengan pegawai Inggeris ketika Jepun memasuki Tanah Melayu pada

tahun 1943. Baginda telah menghembuskan nafas terakhir ketika berumur 78 tahun dan telah menamatkan pemerintahannya selama 62 tahun. Takhta sebagai pemerintah telah diambil oleh Almarhum Sultan Badlishah Ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah. Melihat kepada segala usaha yang dilakukan serta mempunyai hubungan diplomatik yang baik, tidak hairanlah jika melihat seni bina Istana Sepachendera ini memiliki keunikannya yang tersendiri.




Gambar 4.4 menunjukkan gambar Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah.

(Sumber: Arkib Negara Malaysia Cawangan Kedah Perlis)

b) Sejarah Pembinaan Istana Sepachendera, Alor Setar, Kedah.

Istana Sepachendera terletak di Jalan Kampung Baru, Alor Setar, Kedah. Istana ini merupakan kediaman bagi Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah dan isteri pertama baginda iaitu Che Sepachendera. Nama istana ini juga diambil bersempena nama isteri pertama Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah iaitu Che Sepachendera. Istana ini telah dibina pada tahun 1882 ketika Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah ditabalkan sebagai Sultan Kedah yang ke-26. Lokasi istana ini terletak di kawasan bandar yang strategik dan menjadi tumpuan orang ramai oleh kerana kawasannya berdekatan dengan sebuah pusat membeli belah dan Menara Alor Setar, Kedah. Istana ini berada di belakang sebuah istana lagi iaitu Istana Kuning di Alor Setar, Kedah.



Gambar 4.5 menunjukkan lokasi Istana Sepachendera.

(Sumber: Pengkaji)

Selepas kemangkatan Che Sepachendera pada tahun 1907, istana ini telah digunakan sebagai pusat yang penting di negeri Kedah seperti sekolah, pejabat pendidikan dan kali terakhir digunakan oleh pelajar Kolej Universiti Insaniyah pada tahun 2000. Selepas pada itu, istana ini tidak lagi digunakan dan dibiarkan usang begitu sahaja. Disebabkan itu, istana ini telah mengalami pelbagai kerosakan dan bahan binaan seperti kayu dan bumbung istana ini telah dicuri. Bangunan istana ini juga telah menjadi vandalisme. Keadaan dan lokasi istana ini juga semakin tenggelam apabila berlakunya pembinaan bangunan yang besar dan tinggi sehingga menenggelamkan kewujudan istana ini.

Istana Sepachendera ini mempunyai keunikan dalam pembinaannya. Melalui temubual bersama Encik Jamil iaitu wakil dari Yayasan Tunku Kassim yang bertindak menjaga istana ini secara sukarela, beliau menyatakan bahawa istana ini telah dibina dengan menggunakan cengkerang, putih telur dan madu lebah dalam binaannya. Ini bertujuan untuk mengukuhkan lagi struktur bangunan istana ini. Pembinaan istana ini melibatkan tukang yang berasal dari Thailand dan negeri Kedah. Hal ini kerana, Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah mempunyai hubungan yang baik dengan kerajaan Siam ketika itu.



Gambar 4.6 menunjukkan gambar Almarhum Tunku Abdul Hamid bersama Che Sepachendera.

(Sumber: Anjung Warisan Pak Wan)

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

c) **Garis Masa Penggunaan Istana Sepachendera, Alor Setar, Kedah.**

| Tahun | Penggunaan |
|--------------|--|
| 1882 | Kediaman bagi Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah dan isteri pertamanya iaitu Che Sepachendera. |
| 1922 | Digunakan sebagai sekolah perempuan yang pertama di negeri Kedah iaitu Sekolah Perempuan Kampung Baru. |
| 1945 | Digunakan sebagai Pusat Bahasa Jepun dan Pejabat Pemadam Kebakaran. |
| 1946 | Digunakan sebagai Sekolah Sultanah Asma. |
| 1954 | Digunakan sebagai Sekolah Rendah Tunku Abdul Halim. |
| 1983 | Digunakan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Kedah. |
| 2000 | Digunakan oleh pelajar lelaki Kolej Universiti Insaniyah. |

Jadual 4.2 menunjukkan garis masa penggunaan Istana Sepachendera, Alor Setar, Kedah.

(Sumber: Pengkaji)

4.3.2 Nilai Kepentingan Warisan Dalam Seni Bina di Istana Sepachendera.

Seni bina Istana Sepachendera ini sangat menarik dari segi tiang, lubang angin, bumbung, ornament tiang dan penggunaan elemen pada pintu jendelanya. Istana Sepachendera ini mempunyai gabungan seni bina dalam penghasilan bangunannya. Jika dilihat pada seni binannya, istana ini terdapat berberapa pengaruh seni bina terutamanya seni bina kolonial dan seni bina melayu vernakular dengan sedikit pengaruh dari negara jiran iaitu Thailand (Patani). Walaupun terdapat banyak kerosakan pada bangunan istana ini, namun beberapa ciri tertentu dalam seni bina dan bahan-bahan strukturnya masih tetap dengan identitinya yang tersendiri.



Gambar 4.7 menunjukkan seni bina Istana Sepachendera dari bahagian hadapan.

(Sumber: Pengkaji)

a) Pengaruh Seni Bina Kolonial.

Setiap seni bina bangunan pada sesuatu zaman mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri. Seni bina kolonial dapat dikenalpasti dengan mudah melalui reka bentuk bangunannya yang unik dan istimewa. Pengaruh British di Kedah bermula sejak tahun 1770 lagi apabila pihak British telah berjaya mempengaruhi pemerintah Kedah untuk urusan pengeksportan serta pengimportan yang melibatkan kedua-dua kerajaan. Tidak hanya pengaruh dalam urusan perdagangan, British juga membawa masuk pengaruh seni binanya di negeri Kedah. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh pengkaji dapat dilihat bahawa seni bina Istana Sepachendera ini banyak dipengaruhi oleh seni bina Kolonial dari segi tiang, ornament, lantai dan bumbungnya. Antara struktur yang dikenalpasti adalah:

I. Lantai



Gambar 4.8 menunjukkan lantai tingkat 2.

(Sumber: Pengkaji)



Gambar 4.9 menunjukkan lantai tingkat 1.

(Sumber: Pengkaji)



Gambar 4.10 menunjukkan lantai tingkat bawah.

(Sumber: Pengkaji)

Dalam seni bina Kolonial, pembinaan lantai bagi rumah kolonial terbahagi kepada dua jenis iaitu lantai bawah menggunakan bahan konkrit dan lantai satu serta seterusnya menggunakan lantai kayu. Dalam kajian ini, lantai bagi Istana Sepachendera ini turut dibina dengan lantai bawah menggunakan konkrit serta lantai tingkat satu dan dua menggunakan kayu. Struktur lantai di tingkat satu dan dua dibina menggunakan bahan kayu yang terdiri daripada rasuk yang menyokong gelegar dan papan lantai. Manakala rasuk pula disokong oleh sistem sesangga yang dibina dan menjadi sebahagian daripada struktur dinding.

II. Bumbung



Gambar 4.11 menunjukkan bahagian hadapan Istana Sepachendera.

(Sumber: Pengkaji)

Bumbung merupakan salah satu elemen bangunan yang penting. Bumbung bukan sahaja berfungsi dalam memberikan perlindungan tetapi ia juga menjadi aspek yang penting dalam menentukan rupa bentuk bangunan itu sendiri. Dalam seni bina kolonial, kebanyakannya menggunakan atap genting tanah liat dan atap asbestos. Di Istana Sepachendera, bumbung pada bahagian hadapan istana ini telah menggunakan jenis atap genting tanah liat manakala atap jenis asbestos pula digunakan di bahagian tengah istana ini. Bumbung jenis atap genting tanah liat dan atap asbestos ini banyak digunakan di rumah kolonial yang terdapat di Tanah Melayu.



Gambar 4.12 menunjukkan atap asbestos pada bahagian bumbung Istana Sepachendera.

(Sumber: Pengkaji)

Selain itu, istana ini mempunyai bentuk bumbung yang curam seperti rumah kolonial dan terdapat anjung di bahagian hadapannya. Anjung ini berfungsi sebagai tempat untuk Almarhum Sultan Abdul Hamid dan isterinya Che Sepachendera untuk melihat keadaan sekeliling dan memantau pekerja mereka.



Gambar 4.13 menunjukkan reka bentuk bumbung Istana Sepachendera dan bahagian anjung istana.

(Sumber: Pengkaji)

III. Liang pengudaraan



Gambar 4.14 menunjukkan liang pengudaraan yang berada di kedua-dua sisi bangunan Istana Sepachendera.

(Sumber: Pengkaji)

Liang pengudaraan ini merupakan salah satu sistem pengudaraan pada bangunan terdahulu. Liang pengudaraan yang terdapat di istana ini berbentuk bulat dan ia terletak pada di bahagian atas sisi tingkap di kiri dan kanan. Penggunaan liang pengudaraan ini dapat dilihat pada seni bina kolonial yang mementingkan pengudaraan yang baik dalam binaannya. Ia dapat dilihat pada kebanyakan rumah-rumah kolonial yang terdapat di negara ini.

IV. Tingkap



Gambar 4.15 menunjukkan tingkap pada Istana Sepachendera.

(Sumber: Pengkaji)

Bangunan akan mendapat peredaran angin yang baik melalui tingkap dan ruang pengudaraan yang luas. Dalam seni bina kolonial kebanyakan tingkap dibina dengan menggunakan dua daun pintu serta mempunyai sisip angin. Dapat dilihat sini, tingkap Istana Sepachendera ini dibina dengan dua daun pintu dan terdapat sisip angin dibahagian atasnya. Tingkap yang dibina ini menggunakan panel kayu. Sisip angin yang dibuat bertujuan untuk meningkatkan peredaran angin walaupun tingkap ditutup pada waktu malam.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

V. *Ornament* Kepala Tiang



Gambar 4.16 menunjukkan *ornament* yang terdapat pada tiang Istana Sepachendera.

(Sumber: Pengkaji)

Gaya seni bina kolonial datang dalam pelbagai bentuk dan jenis. Salah satu kesan yang membawa asimilasi pengaruh terhadap seni bina Istana Sepachendera adalah dari segi *ornament* kepala tiang yang terdapat pada Istana Sepachendera. Struktur tiang ini merupakan salah satu unsur dari seni bina klasik Inggeris yang merujuk kepada pengaruh Yunani. Reka bentuk *ornament* kepala tiang ini reka bentuk tiang *Corinthian* dengan bermotifkan ukiran daun *Acanthus*. Seni bina ini merujuk kepada jenis tiang yang terhasil daripada unsur kolum komposit. Dalam seni bina, kolum komposit adalah gaya lajur yang direka oleh Rom. Ia menggabungkan ciri-ciri lajur ionik kuno Yunani dan lajur Korintus. Tiang ini mempunyai ukuran yang tinggi dan mempunyai

hiasan di bahagian atasnya. Pengaruh unsur komposit ini merupakan salah satu daripada lima susunan seni bina klasik bagi orang Yunani.

b) Pengaruh Seni Bina Thailand (Patani)

Seni bina di Thailand banyak dipengaruhi daripada Inggeris dan nusantara. Kebanyakan seni bina di Thailand menggabungkan kedua-dua seni bina itu untuk menjadikan ia sebagai salah satu seni bina yang unik di Thailand. Pada tahun 1780, bangunan di Thailand direka bentuk dalam bentuk simbolik Buddha. Bangunan di Thailand kebanyakannya mempunyai bucu yang ditajam dibahagian hujungnya. Ia termasuklah di bahagian bumbung ataupun kubah. Seni bina ini dapat dilihat pada masjid, kuil dan istana di Thailand. Di Istana Sepachendera dapat dilihat bahawa bahagian gerbang tingkapnya menggunakan hiasan dari seni bina Thailand.



Gambar 4.17 menunjukkan salah satu gerbang tingkap yang terdapat dalam seni bina Thailand.

(Sumber: *google images*)



Gambar 4.18 menunjukkan hiasan tingkap pada bahagian luar Istana Sepachendera.

(Sumber: Pengkaji)



Gambar 4.19 menunjukkan hiasan tingkap pada bahagian dalam Istana Sepachendera.

(Sumber: Pengkaji)

4.3.3 Nilai Kepentingan Warisan Dalam Hubungan Sosial di Istana Sepachendera.

Warisan sejarah membawa maksud yang sangat luas dan ianya melibatkan keseluruhan manusia daripada corak penempatan, cara hidup dan pegangan kepercayaan. Banyak bangunan bersejarah di dunia ini yang mempunyai kisahnya tersendiri yang menceritakan peristiwa-peristiwa yang pernah berlaku dan kesan peristiwa tersebut telah membuktikan kewujudan tamadun. Masih ada sebahagian bangunan-bangunan warisan ini masih digunakan sebagai monument hidup seperti bangunan keagamaan dan istana. Terdapat juga yang dikekalkan sebagai monumen bersejarah seperti tugu-tugu dan kota lama (Harun S.N. 2005).

Young (1991) menyatakan bahawa kepercayaan merupakan salah satu faktor kepada perkembangan tamadun. Hal ini bermaksud sejarah dan kepercayaan merupakan aspek yang saling melengkapi dan ia mengaitkan kepada kenapa bangunan bersejarah perlu dipulihara. Pembinaan seperti Kota Inca dan Borobudur telah memberi bukti yang kukuh bahawa faktor kepercayaan telah mewujudkan perkembangan tamadun. Bangunan dan monument ini telah menjadi bukti yang kuat terhadap tinggalan tamadun dahulu yang memerlukan pengekalan dan pemuliharaan agar dapat disampaikan kepada generasi akan datang.

Dalam hal ini, Istana Sepachendera ini mempunyai hubungan sosial dalam Pendidikan di negeri Kedah. Istana ini telah digunakan dan dijadikan

sebagai sekolah inggeris pertama di negeri Kedah pada tahun 1922 yang dikenali sebagai Sekolah Perempuan Kampung Baru. Dengan tertubuhnya sekolah ini di Istana Sepachendera, ia telah membuka mata ramai pihak tentang pentingnya Pendidikan di negeri Kedah pada ketika itu. Selepas perang dunia kedua tamat, istana ini kembali digunakan sebagai Sekolah Sultanah Asma pada tahun 1946 dan Sekolah Rendah Tunku Abdul Halim pada 1954. Dalam hal ini sebelum adanya bangunan baru bagi Sekolah Sultanah Asma, istana ini telah digunakan terlebih dahulu sebagai sekolah ini sebelum siapnya bangunan Sekolah Sultanah Asma. Hal ini jelas menunjukkan bahawa istana ini sangat penting dalam hubungan sosial bagi Pendidikan di negeri Kedah.

4.4 Tahap Pengekalan Pada Istana Sepachendera.

Istana Sepachendera telah dibina sejak tahun 1882 dan kini usianya telah mencecah 139 tahun. Terdapat pelbagai jenis kerosakan yang terdapat pada bangunan istana ini seperti keretakan, kehilangan struktur dalam bangunan, kerosakan konkrit dan lain-lain lagi. Namun begitu, masih terdapat berberapa struktur bangunan yang masih kekal pada istana ini. Antara tahap pengekalannya yang dikaji oleh pengkaji adalah seperti lantai, dinding luar, dinding dalam, tiang, tangga, tingkap, pintu, bumbung, lantai bawah, tingkat satu dan tingkat dua.

Hasil data pemerhatian telah dianalisis bagi mengenalpasti tahap pengekalannya yang terdapat pada bangunan istana ini. Hasil keputusan kajian terhadap tahap pengekalannya telah dianalisis dan diringkaskan dalam bentuk jadual. Bagi membentuk analisis ini, tahap pengekalannya istana ini dibahagikan mengikut bahagian seperti:


- i. Tahap pengekalannya pada lantai
- ii. Tahap pengekalannya pada dinding luar
- iii. Tahap pengekalannya pada dinding dalam
- iv. Tahap pengekalannya pada tiang
- v. Tahap pengekalannya tangga
- vi. Tahap pengekalannya pada tingkap
- vii. Tahap pengekalannya pada pintu
- viii. Tahap pengekalannya pada bumbung

ix. Tahap pengekalan *ornament*

Berdasarkan pada bahagian bangunan, penilaian dibuat bagi mengenalpasti tahap pengekalan pada bangunan Istana Sepachendera ini. Tahap pengekalan pada istana ini akan dikelaskan kepada tiga bahagian iaitu kekal atau utuh, kerosakan struktur dan hilang.

4.4.1 Analisis Tahap Pengekalan Lantai


Tahap pengekalan lantai ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu lantai bawah, lantai tingkat satu dan lantai tingkat dua.



Carta 4.1 menunjukkan tahap pengekalan bagi lantai bahagian bawah.

(Sumber: Pengkaji)


Berdasarkan carta 4.1, menunjukkan 80% lantai bahagian bawah masih kekal dalam keadaan baik dan 20% pula mengalami kerosakan pada strukturnya. Antara kerosakan yang berlaku pada stuktur lantai bawah istana adalah seperti retakan, lantai berlubang dan tumbuhan liar. Faktor kerosakan ini berpunca daripada kelemahan dan kegagalan struktur dan pertumbuhan tumbuhan liar.



Carta 4.2 menunjukkan tahap pengekalan pada bahagian lantai tingkat satu.

(Sumber: Pengkaji)

Berdasarkan carta 4.2 dapat dilihat bahawa lantai pada tingkat satu telah hilang sebanyak 80% iaitu lantai pada bahagian tengahnya pada tingkat satu telah hilang kesemua. Sebanyak 20% pula mengalami kerosakan struktur.



Carta 4.3 menunjukkan tahap pengekalan pada bahagian lantai tingkat dua.

(Sumber: Pengkaji)

Berdasarkan carta 4.3, dapat dilihat bahawa lantai pada tingkat dua juga sama seperti lantai di tingkat satu. Sebanyak 80% struktur lantai pada tingkat ini telah hilang dan 20% pula mengalami kerosakan struktur.

Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan, dapat dilihat bahawa lantai bagi Istana Sepachendera ini berada di dalam keadaan yang teruk. Hal ini kerana, hanya lantai bawah sahaja yang tinggal manakala lantai bagi tingkat satu dan tingkat dua telah hilang sepenuhnya dan hanya tinggal kerangka lantai pada bahagian hadapan kedua-dua tingkat sahaja. Lantai pada bahagian bawah masih kekal kerana ia diperbuat daripada konkrit manakala lantai tingkat satu

dan tingkat dua telah hilang kerana ia diperbuat daripada kayu. Melalui satu temubual bersama Encik Jamil dari pihak Yayasan Tunku Kassim, beliau menyatakan bahawa struktur kayu lantai pada istana ini telah dicuri. Walaupun lantai bawah masih kekal, namun ia terdapat berberapa kerosakan padanya. Antara kerosakan yang terdapat pada lantai bawah adalah seperti keretakan dan pertumbuhan tumbuhan liar.



Gambar 4.20 menunjukkan keadaan lantai bawah Istana Sepachendera.

(Sumber: Pengkaji)




Gambar 4.21 menunjukkan struktur lantai bagi tingkat satu dan dua Istana Sepachendera.

(Sumber: Pengkaji)

4.4.2 Analisis Tahap Pengekalan Dinding

Tahap pengekal pada bahagian dinding juga dibahagikan kepada dua iaitu dinding luar dan dinding dalam.



Carta 4.4 menunjukkan tahap pengekal pada dinding luar Istana Sepachendera.

(Sumber: Pengkaji)


Berdasarkan carta 4.4, dapat dilihat bahawa dinding luar istana ini masih berada dalam keadaan yang baik iaitu sebanyak 90% struktur masih kekal dan sebanyak 10% pula mengalami kerosakan struktur. Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan terhadap tahap pengekal pada dinding luar istana ini, didapati bahawa bahagian luar dinding istana masih kekal dan berada dalam keadaan yang masih kukuh. Bahagian dinding luar tidak mempunyai kerosakan yang terlalu ketara. Kerosakan yang terdapat pada dinding luar hanyalah seperti

permukaan dindingnya yang berlumut dan kemasam cat yang mengulupas. Lain-lain kerosakan yang terdapat adalah simen yang tertanggal dari permukaan bata. Dinding luar istana ini juga hanya terdapat beberapa keretakan yang tidak terlalu kritikal.



Gambar 4.22 menunjukkan keadaan dinding luar Istana Sepachendera.

(Sumber: Pengkaji)



Carta 4.5 menunjukkan tahap pengekalan bagi dinding dalam Istana

Sepachendera.

(Sumber: Pengkaji)


Berdasarkan carta 4.5, keadaan dinding dalam istana ini masih kekal sebanyak 90% dan 10% pula mengalami kerosakan struktur. Bagi dinding bahagian dalam, tahap pengekalannya masih kekal dan berada dalam keadaan yang baik. Dinding bahagian dalam juga mempunyai kerosakan yang biasa sahaja dan tidak terlalu ketara. Antara kerosakan yang terdapat pada bahagian dinding dalam adalah seperti permukaan dinding yang berlumut, kemasukan cat mengulapas dan simen yang tertanggal dari permukaan bata. Di bahagian dinding dalam juga terdapat pertumbuhan pokok pada dindingnya.



Gambar 4.23 menunjukkan keadaan dinding dalam Istana Sepachendera.

(Sumber: Pengkaji)

4.4.3 Analisis Tahap Pengekalan Tiang



Carta 4.6 menunjukkan tahap pengekaln tiang pada Istana Sepachendera.

(Sumber: Pengkaji)

Berdasarkan carta 4.6, dapat dilihat bahawa sebanyak 90% struktur tiang pada istana ini masih kekal dan sebanyak 10% mengalami kerosakan struktur. Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan, dapat dilihat bahawa keadaan tiang bagi Istana Sepachendera ini masih berada dalam keadaan yang baik. Struktur tiang pada istana ini masih kukuh dan berfungsi dengan baik sebagai penerima dan pengagihan beban dari bangunan istana ini. Namun begitu, hanya terdapat berberapa kerosakan yang biasa pada tiang istana ini. Antara kerosakan yang terdapat adalah seperti permukaan berlumut, pertumbuhan pokok, warna cat mengulupas dan simen pada tiang tertanggal.




Gambar 4.24 menunjukkan keadaan tiang pada Istana Sepachendera.

(Sumber: Pengkaji)

4.4.4 Analisis Tahap Pengekalan Tangga

Analisis tahap pengekal tangga dibahagikan kepada dua iaitu tangga bahagian luar dan tangga bahagian dalam.



Carta 4.7 menunjukkan tahap pengekal pada tangga luar Istana Sepachendera.

(Sumber: Pengkaji)


Berdasarkan carta 4.7, tangga pada bahagian luar istana ini iaitu di bahagian hadapan masih kekal sebanyak 90% dan hanya 10% daripada tangga mengalami kerosakan struktur. Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan, didapati bahawa struktur tangga luar istana ini yang terletak di bahagian hadapan masih kekal dan utuh. Antara kerosakan yang terdapat pada tangga ini seperti keretakan, pertumbuhan tumbuhan liar dan lumut. Namun begitu, kerosakan ini tidak mengganggu keadaan struktur tangga pada bahagian luar ini.



Gambar 4.25 menunjukkan tangga bahagian hadapan Istana Sepachendera.

(Sumber: Pengkaji)

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN




Carta 4.8 menunjukkan tahap pengekalan tangga bahagian dalam.

(Sumber: Pengkaji)

Berdasarkan carta 4.8, tangga pada bahagian dalam istana ini telah 100% hilang dari tempat asalnya. Dalam pemerhatian yang dilakukan di lokasi kajian, struktur tangga pada bahagian dalam telah hilang sepenuhnya. Berdasarkan temu bual bersama Encik Jamil dari Yayasan Tunku Kassim, beliau menyatakan bahawa struktur kayu pada istana ini telah dicuri dan ia termasuklah tangga bahagian dalam kerana tangga bahagian dalam istana ini diperbuat daripada struktur kayu.

4.4.5 Analisis Tahap Pengekalan Pintu



Carta 4.9 menunjukkan tahap pengekalan pintu Istana Sepachendera.

(Sumber: Pengkaji)

Berdasarkan carta 4.9, tahap pengekalan bagi pintu istana ini hanya 20% yang masih kekal manakala 80% struktur pintu yang lain telah hilang. Daripada lima pintu yang terdapat pada istana ini, hanya satu pintu sahaja yang masih kekal iaitu pintu pada bahagian hadapan istana ini.

MALAYSIA


KELANTAN



Gambar 4.26 menunjukkan pintu bahagian hadapan Istana Sepachendera.

(Sumber: Pengkaji)

4.4.6 Analisis Tahap Pengekalan Bumbung



Carta 4.10 menunjukkan tahap pengekalan bumbung Istana Sepachendera.

(Sumber: Pengkaji)

Berdasarkan carta 4.10, bumbung pada istana ini telah hilang sebanyak 70% manakala yang mengalami kerosakan struktur pula adalah sebanyak 10%. Bahagian bumbung yang kekal pada Istana Sepachendera ini hanya sebanyak 20% sahaja. Dalam pemerhatian yang dilakukan ke atas istana ini, struktur bumbung pada bahagian tengah istana ini telah hilang sepenuhnya. Struktur bumbung pada bahagian sisi istana ini pula telah mengalami kerosakan struktur seperti kerangka kayu mereput, genting hilang dan bumbung asbestos pecah.



Gambar 4.27 menunjukkan keadaan bumbung Istana Sepachendera pada bahagian hadapan.

(Sumber: Pengkaji)


UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN



Gambar 4.28 menunjukkan keadaan bumbung Istana Sepachendera pada bahagian sisi.

(Sumber: Pengkaji)

4.4.7 Analisis Tahap Pengekalan Tingkap



Carta 4.11 menunjukkan tahap pengekalan tingkap Istana Sepachendera.

(Sumber: Pengkaji)

Berdasarkan carta 4.11, dapat dilihat bahawa sebanyak 60% tingkap pada istana ini telah hilang manakala 29% pula mengalami kerosakan struktur. Tingkap yang kekal pada istana ini hanya sebanyak 11% sahaja. Dalam pemerhatian yang dilakukan di lokasi kajian, daripada 17 tingkap yang terdapat pada istana ini, hanya dua tingkap sahaja yang masih kekal manakala sebanyak lima tingkap mengalami kerosakan struktur. Antara kerosakan yang dialami pada tingkap seperti kerangka kayu mereput, papan tertanggal dan kemasan cat menjadi pudar. Selain itu, sebanyak 10 tingkap pula telah hilang strukturnya.



Gambar 4.29 menunjukkan struktur tingkap yang masih kekal di Istana Sepachendera.


(Sumber: Pengkaji)



Gambar 4.30 menunjukkan keadaan bangunan istana yang telah hilang tingkapnya.

(Sumber: Pengkaji)

4.4.8 Analisis Tahap Pengekalan *Ornament*



Carta 4.12 menunjukkan tahap pengekalan ornament pada Istana Sepachendera.

(Sumber: Pengkaji)

Berdasarkan carta 4.12, ornament yang terdapat pada Istana Sepachendera ini masih kekal sebanyak 90% dan 10% lagi pula mengalami kerosakan struktur. Antara kerosakan yang berlaku adalah pertumbuhan kulat dan perubahan warna dan lepa tertanggal. Struktur ornament pada istana ini masih berada dalam keadaan yang baik dan kekal.



Gambar 4.31 menunjukkan keadaan *ornament* pada Istana Sepachendera.

(Sumber: Pengkaji)

Secara keseluruhannya, boleh disimpulkan bahawa tahap pengekalan bagi Istana Sepachendera ini tidak mencapai 50% daripada tahap pengekalan yang dijangkan oleh pengkaji. Hal ini terbukti apabila hanya sebahagian besar daripada struktur istana ini telah mengalami kerosakkan struktur dan terdapat juga bahagian yang telah hilang.

MALAYSIA

KELANTAN

4.5 Kepentingan Pemuliharaan Istana Sepachendera

Pemuliharaan merupakan aktiviti atau tindakan untuk memanjangkan hayat sesuatu benda. Dalam pemuliharaan, penelitian terhadap aspek nilai merupakan salah satu perkara yang penting bagi menentukan kepentingan suatu harta budaya untuk dipulihara. Pemuliharaan ini bertujuan untuk memulihara serta mengelakkan terus berlakunya kerosakan pada bangunan bersejarah dan turut dapat memanjangkan jangka hayat atau usia bangunan bersejarah. Sehubungan dengan itu, bangunan bersejarah wajar dipulihara dengan cara apa sekalipun kerana bangunan bersejarah dapat memperlihatkan identiti kebangsaan sesuatu bangsa dan menjadi bukti kepada sejarah ketamadunan masa lampau. Tanpa bangunan bersejarah ini, sesuatu budaya dan cara hidup zaman dahulu tidak dapat dibuktikan dengan jelas melainkan hanya melalui lisan ataupun catatan sejarah terdahulu.

Bangunan bersejarah yang terdapat di Malaysia mempunyai pelbagai reka bentuk seni bina yang menarik dan unik. Namun begitu, masih terdapat bangunan bersejarah yang masih tidak dipulihara dan terdapat juga yang mengalami kerosakan yang teruk sama seperti apa yang berlaku kepada Istana Sepachendera ini. Walaupun terdapat usaha pemuliharaan bangunan bersejarah di Malaysia, namun ia masih berada pada peringkat awal. Kepentingan pemuliharaan bangunan dapat membawa banyak kebaikan dalam pelbagai sektor dan komuniti. Menurut Powell (1994), bangunan merupakan warisan yang terkandung nilai yang tersurat dan tersirat manakala menurut

Orbasil (2008) pula, beliau menyatakan bahawa bangunan warisan adalah bahagian yang penting dalam alam bina dan kepentingannya diukur dari sudut yang tersendiri. Menyedari akan perkara ini, pengkaji akan mengupas mengenai faktor yang mempengaruhi usaha pemuliharaan di Istana Sepachendera ini. Antara kepentingan pemuliharaan Istana Sepachendera adalah:

- i. Mengekalkan elemen karektor, sejarah dan reka bentuk seni bina yang unik.
- ii. Mengekalkan nilai-nilai sejarah dan kenangan tentang kewujudannya.
- iii. Kepentingan dalam dalam pendidikan
- iv. Kepentingan dalam kesedaran masyarakat
- v. Kepentingan dalam sektor pelancongan

4.5.1 Mengekalkan elemen karektor dan reka bentuk seni bina yang unik.

Setiap bangunan bersejarah itu mempunyai keunikannya yang tersendiri dan ia dapat dilihat dari rupa seni binanya, bahan binaan, tempat peletakannya dan corak budaya penempatannya. Orbasli (2008) menyatakan, tidak lengkap suatu yang dipanggil sebagai alam binaan tanpa bangunan warisan ini. Melalui rupa dan gaya seni bina, seseorang dapat mengenali dari mana asal usul mereka, pengaruh atau kesan suatu jajahan. Ahmad A.G (1994) pula menyatakan bahawa kepentingan sejarah yang terdapat pada sesebuah

bangunan warisan dapat dijadikan sebagai bukti kukuh tentang era dan peristiwa bersejarah.

Bangunan bersejarah merupakan sebahagian daripada alam bina yang harus dikekalkan. Elemen karektor dan reka bentuk seni bina sesuatu bangunan dapat menentukan identiti sesuatu bangsa. Seni bina yang terdapat pada Istana Sepachendera mempunyai karektor dan reka bentuk yang menarik. Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan, dapat dilihat bahawa Istana Sepahchendera ini mempunyai pengaruh seni bina dari luar. Antara seni bina yang mempengaruhi istana ini seperti seni bina kolonial dan seni bina Thailand (Patani).

Selain itu, bangunan istana ini juga mempunyai karektornya yang tersendiri. Sebagai contoh, bahagian hadapan bangunan istana ini berbentuk 'curve' dan terdapat bumbung yang rata di bahagian tengahnya serta mempunyai 'deck' di bahagian atasnya. Di samping itu, ornament yang terdapat pada istana ini juga menggunakan ornament reka bentuk tiang 'Corintian' dengan motif ukiran daun 'Acanthus'. Seni bina istana ini amat unik dan mempunyai karektornya tersendiri serta jarang dijumpai di Malaysia. Ini secara tidak langsung merupakan elemen karektor yang penting bagi bangunan istana ini.

Jika pemuliharaan dapat dilakukan ke atas istana ini, elemen karektor yang terdapat dan reka bentuk seni binanya dapat dikekalkan. Elemen karektor

dan reka bentuk seni bina istana ini dapat dijadikan panduan dan rujukan bagi arkitek dalam mendirikan sesebuah bangunan kerana ianya sangat unik. selain itu, seni bina yang terdapat pada istana ini dapat direkodkan, difailkan serta dipamerkan kepada orang ramai mengenai keunikan seni binanya. Ini juga dapat dijadikan sebagai panduan untuk kerja-kerja pemuliharaan pada masa yang akan datang.

4.5.2 Mengekalkan nilai-nilai sejarah dan kenangan tentang kewujudannya.

Kaitan antara bangunan bersejarah dan kisah nostalgia tidak dapat disangkal. Keadaan ini khususnya diperolehi oleh mereka yang mempunyai nilai sentimental terhadap bangunan lama yang serba sedikit telah menyumbang kepada sejarah. Keadaan ini juga boleh dikatakan sebagai terdapatnya perkaitan antara suatu bangunan bersejarah dengan psikologi manusia. Menurut Ahmad A.G (1998) dalam pengaruh psikologi, beliau mengaitkan dua pendekatan psikologi kenapa perlu memulihara bangunan iaitu sensitiviti terhadap nilai sejarah dan estetika serta ikatan emosi penghuni terhadap bangunan bersejarah. Bangunan bersejarah dikenali kerana ia memberi satu simbol kepada identiti budaya serta warisan bagi sesebuah masyarakat pada suatu masa tertentu. Selain itu, bangunan bersejarah juga memberi suatu gambaran tentang realiti seperti corak hidup masyarakat terdahulu, suasana persekitaran dan seni bina serta teknologi binaan bangunan.

Menurut Kamal K.S et.al (2007), bangunan bersejarah dapat mengaitkan tentang sesuatu peristiwa penting yang pernah berlaku pada masa dahulu terhadap individu tertentu dalam masyarakat. Dalam hal ini, seseorang individu itu akan mengingati memori terhadap sesuatu peristiwa yang pernah berlaku apabila melihat bangunan-bangunan lama yang masih kekal ini. Sebagai contoh, Stadium Merdeka yang terletak di Kuala Lumpur yang telah menjadi satu tempat yang amat bernilai dan mempunyai kesan nostalgia yang kuat tentang keadaan serta suasana masyarakat dalam menanti hari pengisytiharan kemerdekaan Tanah Melayu pada ketika itu. Ini semua lahir dari kesan sensitiviti dan reaksi yang muncul apabila pemerhati berada di kawasan bangunan bersejarah ini.

Dalam hal ini, Istana Sepachendera ini mempunyai nilai-nilai sejarah dan kenangan tentang kewujudannya. Istana ini tidak hanya digunakan sebagai kediaman diraja sahaja, malah istana ini turut digunakan sebagai sekolah, Pusat Bahasa Jepun dan Pejabat pendidikan. Dalam hal ini, istana ini mempunyai nilai sejarah kerana ia pernah digunakan oleh tentera Jepun sebagai Pusat Bahasa Jepun ketika Jepun menjajah negara ini. Istana ini juga boleh dijadikan sebagai bukti penjajahan tentera Jepun ke Tanah Melayu. Di samping itu, istana ini juga menjadi bukti penubuhan sekolah inggeris pertama di Kedah. Hal ini dapat menjadi bukti dalam pendidikan inggeris di negeri Kedah yang bermula di istana ini.

Selain itu, istana ini juga pernah dijadikan sebagai sekolah. Justeru itu, istana ini mesti mempunyai nostalgia bagi bekas pelajar dan waris keluarga yang pernah mendapat pendidikan di istana ini. Jika pemuliharaan dapat dilakukan ke atas istana ini, ia secara tidak langsung menimbulkan nostalgia bagi pelajar dan waris keluarga. Bekas pelajar dan waris keluarga pasti akan timbul nostalgia yang pernah mereka ada di istana ini seperti kisah suka dan duka sepanjang mereka berada di Istana Sepachendera.

4.5.3 Kepentingan dalam pendidikan

Pengekalan bangunan bersejarah dapat memainkan peranan yang penting dalam aspek pendidikan terutamanya kepada penyelidik dan pelajar. Dengan adanya pemuliharaan yang dijalankan ke atas istana ini, ia secara tidak langsung dapat membantu para penyelidik dan pelajar yang ingin melakukan kajian ke atas istana ini. Di peringkat universiti pula, tugas-tugas yang berkaitan dengan bangunan bersejarah dapat dirujuk dan ditinjau sekiranya bangunan istana ini masih utuh dan kekal serta diselenggara dengan baik. Di samping itu, pelajar sekolah juga dapat meningkatkan ilmu pengetahuan berkaitan istana ini dengan mengikuti lawatan yang dianjurkan oleh pihak sekolah atau pihak penganjur luar.

4.5.4 Kepentingan dalam kesedaran masyarakat

Masyarakat pada hari ini kurang didedahkan dengan isu-isu berkaitan dengan bangunan bersejarah. Mereka sekadar mempunyai kefahaman namun tidak mendalami ilmu berkaitan dengan bangunan warisan ini. Dengan adanya pemuliharaan yang dijalankan ke atas bangunan Istana Sepachendera ini, ia sangatlah memberi faedah kepada masyarakat yang terlibat dan mereka turut dapat menambahkan ilmu pengetahuan mengenai istana ini dan pemuliharaan. Hal ini juga secara tidak langsung dapat membentuk minda masyarakat dalam aspek penghayatan warisan dan khazanah yang ada melalui pemuliharaan ini.

4.5.5 Kepentingan dalam sektor pelancongan

Sektor pelancongan merupakan antara penyumbang kepada ekonomi negara dan sebahagian daripadanya datang dari pelancongan ke tempat bersejarah. Pemuliharaan dan pengekalan Istana Sepachendera ini secara tidak langsung dapat meningkatkan lagi pendapatan ekonomi negeri Kedah dalam sektor pelancongan. Malah lokasi istana ini juga mudah diakses kerana ia berada berdekatan dengan Menara Alor Setar, Kedah. Pada masa kini, kita dapat lihat bahawa pelancongan ke bangunan warisan menjadi trend pada masa kini. Bangunan istana boleh ditransformasikan atau digunakan semula sebagai galeri, muzium atau tempat kebudayaan. Menurut responden AR Wan Iskandar, istana ini pernah dicadangkan oleh arwah Dr Wan Shamsudin iaitu sejarawan di Kedah sebagai sebuah galeri dan tempat kebudayaan di negeri Kedah. Galeri yang dicadangkan bernama Galeri Sultan Abdul Hamid. Jika perkara ini dapat dilaksanakan, ia secara tidak langsung dapat menjadi salah

satu tempat tarikan pelancong di Kedah. Dalam satu temubual bersama penolong kurator Muzium Kedah, Encik Zulhiberi, beliau menyatakan pihak kerajaan negeri Kedah kini mempunyai minat untuk menjalankan kerja pemuliharaan pada istana ini. Istana ini akan dijadikan salah satu tempat pelancongan di negeri Kedah seperti yang dicadangkan oleh arwah Dr. Wan Shamsudin.

4.6 Rumusan Bab

Berdasarkan dapatan kajian dalam bab ini, dapat dirumuskan bahawa Istana Sepachendera ini sememangnya mempunyai nilai sejarah yang sangat penting di negeri Kedah. Tidak hanya pada seni binanya yang unik, istana ini juga mempunyai pelbagai kegunaan selepas kemangkatan Che Sepachendera. Justeru itu, langkah pemuliharaan harus dilakukan dengan segera ke atas istana ini agar dapat mengekalkan identiti seni binanya. Dapat dilihat bahawa tahap pengekalan pada istana ini hanya tinggal kurang dari 50% sahaja. Jika tiada langkah pemuliharaan struktur istana ini akan terus mengalami kerosakan dan menjadi sukar untuk dipulihara. Pemuliharaan yang dilakukan ke atas istana ini mempunyai pelbagai kepentingan terutamanya dalam pelancongan kerana lokasinya yang terletak di tengah bandar Alor Setar, Kedah. Bagi pengkaji, Istana Sepachendera ini haruslah dipulihara dan dikekalkan kerana ia memiliki nilai seni bina yang unik dan nilai sejarahnya yang begitu hebat. Pemuliharaan yang dijalankan ke atas istana ini dapat menjadikan ia sebagai satu aset di negeri Kedah terutamanya dan untuk tatapan generasi akan datang.

MALAYSIA

KELANTAN

BAB 5

PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Dalam bab ini akan memberikan gambaran secara ringkas mengenai kajian yang telah dilaksanakan serta membuat kesimpulan mengenai hasil dapatan kajian daripada ketiga-tiga analisis kajian yang telah dilakukan. Dalam hal ini, perbincangan yang dibuat ini akan menjadi ukuran terhadap potensi keberkesanan dapatan maklumat yang diperolehi dalam proses menyiapkan projek penyelidikan ini. Di samping itu, dalam bab ini juga, pengkaji akan memberikan beberapa cadangan serta saranan yang relevan untuk memudahkan penyelidik di masa akan datang untuk merangka perancangan dalam melakukan kajian berkaitan dengan Istana Sepachendera ini.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

5.2 Perbincangan Dapatan Kajian

Dalam bahagian ini akan menghuraikan dan merumuskan dapatan-dapatan daripada tajuk kajian pengkaji tentang Kajian Terhadap Pemuliharaan Istana Sepachendera, Alor Setar, Kedah. Perbincangan mengenai dapatan kajian dilakukan berdasarkan pada penganalisan data bagi ketiga-tiga analisis objektif kajian yang diluaskan secara terperinci di dalam bab empat sebelum ini.

5.2.1 Analisis Objektif Kajian 1: Nilai Kepentingan Warisan Istana Sepachendera.

Setelah kajian dijalankan bagi mencapai objektif dan persoalan pertama kajian ini, pengkaji dapat merangkumi secara lebih terperinci terhadap nilai warisan yang terdapat pada Istana Sepachendera ini. Yang pertama, Almarhum Sultan Abdul Hamid merupakan raja Kedah yang ke-26 dan setelah baginda diangkat menjadi raja Kedah, baginda telah membina sebuah istana untuk isteri baginda. Istana Sepachendera telah dibina di Jalan Kampung Baru, Alor Setar, Kedah. Istana Sepachendera ini dibina oleh Almarhum Sultan Abdul Hamid untuk isteri pertama baginda iaitu Che Sepachendera sebagai bukti cinta baginda kepada isteri pertamanya. Setelah kemangkatan Che Sepachendera, istana ini tidak dibiarkan kosong oleh putera sulungnya iaitu Tunku Ibrahim yang mementingkan pendidikan di negeri Kedah. Tunku Ibrahim telah menjadikan istana ini sebagai sebuah sekolah. Selain daripada menjadi tempat

pendidikan, istana ini juga digunakan dalam pentadbiran seperti dijadikan sebagai Pejabat Pemadam Kebakaran dan Pejabat Pendidikan.,Kali terakhir istana ini digunakan adalah sebagai tempat bagi pelajar lelaki Kolej Universiti Insaniyah pada tahun 2000. Berdasarkan kajian yang dilakukan, istana ini tidak hanya digunakan sebagai tempat tinggal bagi golongan raja sahaja, malah ini turut digunakan dalam hal pendidikan dan pentadbiran di negeri Kedah.

Seterusnya, dari segi pemerhatian pengkaji kepada seni bina Istana Sepachendera ini, pengkaji mendapati bahawa istana ini mempunyai pengaruh dari luar dalam seni binanya. Berdasarkan kajian yang dilakukan, Almarhum Sultan Abdul Hamid merupakan seorang raja dan pemerintah yang mementingkan hubungan dengan pemerintah luar. Sebagai contoh Almarhum Sultan Abdul Hamid mempunyai hubungan yang baik dengan pemerintah Siam pada ketika itu dan turut menghadiri upacara pertabalan Raja Inggeris iaitu King George V pada tahun 1911. Baginda tidak hanya mempunyai hubungan baik sahaja, malah baginda turut mengaplikasikan seni bina dari Inggeris dan Siam dalam membina Istana Sepachendera ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat pengaruh seni bina kolonial atau Inggeris yang mendominasi hampir keseluruhan bangunan istana ini seperti tiang, ornament, lubang angin, lantai, bumbung dan tingkap. Terdapat sedikit unsur pengaruh dari seni bina Thailand seperti gerbang pada tingkap istana ini.

5.2.2 Analisis Objektif Kajian 2: Tahap Pengekalan Istana Sepachendera.

Berdasarkan pemerhatian pengkaji ke atas tahap pengekalan Istana Sepachendera ini, masih terdapat berberapa bahagian pada istana ini yang masih kekal dan selebihnya telah mengalami kerosakan. Dalam analisis yang dilakukan terhadap tahap pengekalan pada Istana Sepachendera ini, didapati bahawa sebahagian besar daripada struktur bangunan istana ini telah mengalami kerosakan yang teruk dan terdapat juga struktur yang telah hilang. Antara sebahagian besar yang telah hilang di istana ini adalah bahagian lantai di tingkat satu dan tingkat dua. Dalam hal ini, hanya tinggal papan lantai sahaja di bahagian sisi. Sama juga seperti bahagian tengah bumbung istana ini juga telah hilang sepenuhnya.

Selain itu, pada bahagian pintu pula hanya tinggal pintu di bahagian hadapan sahaja yang masih kekal manakala pintu yang lain telah hilang. Bagi tingkap pula, daripada 17 tingkap ada, hanya dua tingkap sahaja yang masih, manakala lima lagi mengalami kerosakan struktur dan selebihnya telah hilang. Bahagian tangga pula, tangga yang masih kekal hanya tangga pada bahagian luar sahaja dan tangga pada bahagian dalam telah hilang sepenuhnya. Di samping itu, bahagian dinding luar dan dalam istana ini pula masih kekal, tetapi masih terdapat beberapa kerosakan struktur pada dinding luar dan dalam istana ini. Yang terakhir adalah *ornament*, bahagian *ornament* masih kekal dan hanya terdapat kerosakan struktur seperti berlumut.

5.2.3 Analisis Objektif Kajian 3: Kepentingan Pemuliharaan Istana Sepachendera.

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan ke atas istana ini, terdapat beberapa kepentingan pemuliharaan Istana Sepachendera. Kepentingan pertama adalah untuk memulihara elemen karektor dan reka bentuk seni bina yang unik pada istana ini. Antara elemen karektor yang terdapat pada istana ini adalah bahagian hadapan istana ini berbentuk 'curve' dan pada bahagian atas istana ini terdapat satu 'deck'. Elemen karektor seperti ini jarang untuk dijumpai pada bangunan yang dibina pada akhir abad ke-18. Di samping itu, seni bina istana ini pula dipengaruhi oleh seni bina kolonial dan seni bina Thailand. Gabungan seni bina kolonial dan seni bina Thailand ini sukar dijumpai di Malaysia. Jika pemuliharaan dapat dilakukan ke atas istana ini, seni bina yang terdapat pada istana ini dapat dijadikan panduan dan contoh yang baik dalam pengaruh seni bina di Malaysia. Menurut Stipe (1995), pemeliharaan bangunan bersejarah terutama strukturnya adalah kerana hubungan peristiwa lepas, kawasan, monumen dan orang perseorangan yang penting untuk kebanggaan dan pemahaman. Faktor ini jelas untuk mengekalkan dan memulihara elemen karektor dan seni bina yang terdapat pada istana ini untuk mengekalkan dan mengangkat peristiwa sejarah yang terdapat pada Istana Sepachendera.

Selain itu, pemuliharaan yang dilakukan ke atas istana ini sangat penting dalam pendidikan, kesedaran pada masyarakat dan pelancongan. Dalam hal ini, jika pemuliharaan dilakukan ke atas istana ini, ia secara tidak langsung

dapat membantu dalam bidang pendidikan. Pemuliharaan istana ini dapat membantu pelajar dan penyelidik dalam menjalankan kajian ke atas istana ini. Seterusnya, pemuliharaan yang dijalankan juga dapat membuka dan memberi kesedaran kepada masyarakat tentang pentingnya pemuliharaan sesuatu bangunan bersejarah. Melalui pemuliharaan ini juga, masyarakat secara tidak langsung dapat belajar cara memulihara sesuatu bangunan warisan. Akhir sekali, pemuliharaan yang dilakukan ke atas istana ini juga dapat meningkatkan sektor pelancongan terutamanya di negeri Kedah. Dengan keadaan istana ini yang berada di tengah bandar Alor Setar, ia secara tidak langsung dapat menarik minat dan tarikan pelancong yang datang ke Kedah.

5.3 Rumusan

Secara keseluruhannya, hasil perbincangan mendapati bahawa kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji dalam menjalankan Kajian Pemuliharaan Istana Sepachendera di Alor Setar, Kedah adalah sangat berhasil dan berkesan. Melalui temubual bersama ketiga-tiga responden, kaedah ini sememangnya telah membantu pengkaji dalam mendapatkan maklumat bagi objektif pertama dan objektif ketiga. Ketiga-tiga responden yang ditemubual pengkaji memainkan peranan yang penting untuk memastikan kelancaran dalam mendapatkan maklumat dan mengizinkan pengkaji membuat kajian lapangan di istana berkenaan. Manakala dalam pemerhatian yang dilakukan pula, dapatan kajian yang diperolehi sangat membantu dalam mengenalpasti tahap pengkekalan pada Istana Sepachendera ini. Hal ini turut dibantu oleh kaedah rakaman foto dan catatan nota di lapangan kajian.

Selain itu, dapat dirumuskan dalam analisis yang dilakukan di dalam bab 4 mengenai tiga objektif utama memperlihatkan secara keseluruhan masih ada kekurangan dari segi pemuliharaan terhadap Istana Sepachendera ini. Di samping itu, maklumat mengenai Istana Sepachendera ini adalah terbatas setelah pengkaji meneliti kaedah data sekunder melalui internet, jurnal dan perpustakaan. Namun begitu, terdapat satu kajian lepas yang dirujuk pengkaji bagi menampung kekurangan maklumat yang ingin direkodkan. Keadaan ini membuatkan pengkaji besungguh-sungguh ingin melihat Istana Sepachendera

ini dipulihara kerana istana ini mempunyai nilai seni bina dan nilai sejarah yang harus dikekalkan.

5.4 Cadangan

Kajian penyelidikan berkaitan dengan Istana Sepachendera di Alor Setar, Kedah ini sangat jarang dilakukan. Hal ini telah menyebabkan pengkaji menghadapi kesukaran dalam mendapatkan berberapa maklumat dan tahap capaian yang lemah akibat kekurangan penyelidikan kajian lepas telah menyebabkan pengkaji mengambil inisiatif untuk menambah kajian berkenaan dengan Istana Sepachendera ini. Kajian mengenai istana ini masih banyak yang boleh dipadatkan dalam sesuatu penyelidikan. Namun begitu, pengkaji hanya menumpukan kajian terhadap nilai warisan, tahap pengekalan dan faktor yang mempengaruhi usaha pemuliharaan sahaja.

Istana Sepachendera ini juga mempunyai satu nilai seni bina yang perlu difahami dengan lebih mendalam lagi. Oleh itu, pengkaji mempunyai beberapa cadangan dalam kajian yang akan datang. Antaranya, pengkaji perlu membuat kajian yang lebih mendalam berkenaan dengan ciri-ciri reka bentuk istana ini secara menyeluruh bagi mendapatkan rekod yang sahih berkenaan dengan struktur bangunan istana ini. Hal ini kerana, struktur bangunan istana ini sangat unik dan boleh diketengahkan apabila kita mendalami seni bina daripada keseluruhan struktur istana ini.

Seterusnya, pengkaji mencadangkan kajian berkenaan kesedaran orang awam tentang keperluan pengekalan bangunan warisan. Dalam hal ini, hasil daripada temubual dan soal selidik yang direkodkan boleh dijadikan sebagai panduan kepada pihak yang berwajib seperti pihak berkuasa tempatan bagi memberi kesedaran kepada orang ramai tentang kepentingan menjaga bangunan warisan berkaitan dengan penjagaan dan penyelenggaraan.

Pengkaji juga berpendapat bahawa pihak berkuasa tempatan perlu meluaskan kawasan yang direkodkan atau diwartakan sebagai kawasan pemuliharaan bagi istana lama yang terdapat di negeri Kedah. Tindakan ini diharapkan dapat membantu meningkatkan usaha pemuliharaan istana sebagai salah satu bukti sejarah. Perluasana kawasan perwartaan ini juga dapat membantu dalam meningkat ekonomi serta menambah tarikan pelancong di negeri Kedah. Ia secara tidak langsung dapat menjaga dan memelihara warisan di negeri Kedah. Hal ini kerana, pewartaan sangat membantu bagi memastikan sesuatu warisan dapat bertahan dalam arus kemodenan ini.

Akhir sekali, pengkaji turut mencadangkan untuk kajian mengenai bahan binaan istana. Menurut kajian yang lepas, istana ini diperbuat daripada campuran madu dan telur putih dalam binaanya. Namun begitu, tidak ada sebarang kajian terperinci dan lebih mendalam mengenai bahan binaan yang digunakan dalam binaan istana ini.

5.5 Penutup

Kesimpulannya, identiti sesuatu seni bina dan budaya itu diibaratkan sebagai sesuatu yang berharga kerana bernilai estetik dan merupakan jati diri sesuatu bangsa. Istana Sepachendera yang diperbuat daripada seni bina kolonial dan Siam ini sangat menarik dan masih kekal walaupun usianya telah melebihi 100 tahun. Oleh itu, istana ini berpotensi untuk dipulihara dan dibangunkan semula sebagai salah satu tempat tarikan pelancong ke negeri Kedah. Hal ini juga istana ini dibina oleh Almarhum Sultan Abdul Hamid kepada isteri pertama baginda iaitu Che Sepachendera. dalam hal ini, pemuliharaan perlu dilakukan bagi menjaga dan mengekalkan ciri-ciri dan sejarah yang terdapat di istana ini. Walaupun kos pemuliharaan istana ini agak tinggi, namun dari sudut impaknya akan memberi kelebihan yang besar terhadap sejarah, tempat pelancongan dan kebudayaan warisan negara khususnya di negeri Kedah untuk tatapan generasi akan datang.

Bangunan warisan adalah sangat penting bagi dipelihara di Malaysia. Bangunan warisan ini akan memperlihatkan kepada orang luar negara tentang budaya sesuatu masyarakat itu dari aspek pembinaan dan turut menjadi aset warisan berharga. Oleh itu, peruntukan dan sumbangan modal yang besar amat diperlukan sama ada dari pihak kerajaan mahupun buka kerajaan (NGO) bagi memulihara Istana Sepachendera ini. Di samping itu, media massa juga harus memainkan peranan dalam menggerakkan usaha membangkitkan isu pemuliharaan berkenaan istana ini agar dapat dikekalkan dan bertahan seiring

dengan kemajuan pembinaan bangunan masa kini. Jika istana ini tidak dipulihara, negara Malaysia dan negeri Kedah terutamanya akan kehilangan salah satu aset yang sangat berharga ini. Sememangnya, istana ini mempunyai nilai warisan dan perlu dijaga serta dipulihara dengan rapi oleh pihak berwajib dan masyarakat sekeliling bagi memastikan khazanah ini terus bertahan dalam jangka masa yang lebih lama.

Rujukan

A Ghafar Ahmad, (1994). Pengenalan kepada bangunan dan monumen lama di Malaysia. Dalam: *Bengkel menangani masalah pemuliharaan bangunan lama di Malaysia*. Kota Ngah Ibrahim, Taiping, Perak, 19-22 Disember 1994.

A Ghafar Ahmad, (2006). Rangka kerja pemuliharaan bangunan warisan di Malaysia. Dalam: Melaka: *Kerajaan Negeri Melaka dengan kerjasama Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM), Bengkel konservasi monumen dan tapak tanah bersejarah*. Melaka, 27-29 November 2006.

Daeng Haliza Daeng Jamal, Zuliskandar Ramli & Mastor Surat (2017, Disember). *Istana Kenangan: Meneroka Intergrasi Warisan Budaya Melayu Dan Konservasi Menerusi Pendekatan Suaiguna Semula*. Jurnal Arkeologi Malaysia, Vol. 30, No. 2, hlm. 1-10.

Daeng Haliza Daeng Jamal, Norazlinda Rosdi & Zuliskandar Ramli (2020, Disember). *Pelestarian Warisan Seni Bina Melayu: Tinjauan Ke Atas Guna Semula Istana Kenangan, Kuala Kangsar, Perak*. Jurnal Arkeologi Malaysia, Vol. 33, (Isu Khas), hlm. 7-15.

Fielden, B. M., (2003). *Conservation of historic buildings*. 3rd Ed. United Kingdom: Architectural Press.

Hamilton, B & Wan Salleh, (2001). *Maintenance of building important*. Retrieved from:

<https://www.hba.org.my/news/2001/601/maintenance.htm>

Jabatan Warisan Negara (JWN), (2009). *Warisan Kebangsaan*. Kuala Lumpur:

Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia.

Kamarul Azmi Jasmi (2008). *Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan*

Kualitatif. Retrieved from, [https://www.researchgate.net/profile/Kamarul-Azmi-](https://www.researchgate.net/profile/Kamarul-Azmi-Jasmi/publication/293097563_Metodologi_Pengumpulan_Data_dalam_Penyelidikan_Kualitatif/links/5c0234e0a6fdcc1b8d4d2e10/Metodologi-Pengumpulan-Data-dalam-Penyelidikan-Kualitatif.pdf)

[Jasmi/publication/293097563_Metodologi_Pengumpulan_Data_dalam_Penyelidikan_Kualitatif/links/5c0234e0a6fdcc1b8d4d2e10/Metodologi-](https://www.researchgate.net/profile/Kamarul-Azmi-Jasmi/publication/293097563_Metodologi_Pengumpulan_Data_dalam_Penyelidikan_Kualitatif/links/5c0234e0a6fdcc1b8d4d2e10/Metodologi-Pengumpulan-Data-dalam-Penyelidikan-Kualitatif.pdf)

[Pengumpulan-Data-dalam-Penyelidikan-Kualitatif.pdf](https://www.researchgate.net/profile/Kamarul-Azmi-Jasmi/publication/293097563_Metodologi_Pengumpulan_Data_dalam_Penyelidikan_Kualitatif/links/5c0234e0a6fdcc1b8d4d2e10/Metodologi-Pengumpulan-Data-dalam-Penyelidikan-Kualitatif.pdf)

Kamarul,K. (2016). *Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan*. Kuala Lumpur:

Jabatan Warisan Negara.

M. Naquiddin, Noorsuhaida, N. Asyikin & Mohd Nasrun Mohd Nawi (2013,Mei). *Isu Di*

dalam Penyelenggaraan Bangunan Warisan Di Malaysia. Retrieved from, <http://repo.uum.edu.my/11661/>

Michael Forsyth (2008). *Material & Skills for Historic Building Conservation*. UK:

Blackwell Publishing Ltd.

Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi. (2008). *Seni Bina : Sejarah, Teori dan Kritikan*.

Universiti Teknologi Malaysia.

Norlizaiha, S. (2020). *Pemuliharaan Bangunan Warisan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa

Dan Pustaka.

N. Zainal Abidin, R.N. Raja Shahminan & F.K. Ibrahim (2016,November).
Influences

On the Architecture of The Istana Lama Seri Menanti in Retrospective.
Retrieved from,
https://www.researchgate.net/profile/NurdiyanaAbidin/publication/331570024_Influences_on_the_Architecture_of_Istana_Lama_Seri_Menanti_in_Retrospective/links/5c8132b4299bf1268d421736/Influences-on-the-Architecture-of-Istana-Lama-Seri-Menanti-in-Retrospective.pdf

Orbasli, A., (2008). *Architectural Conservation*. Oxford: Blackwell Science Ltd.

Paiman Keromo, (2006). *Konservasi secara umum: Garis panduan konservasi monumen dan tapak tanah bersejarah di Malaysia*. Dalam: Melaka: Kerajaan Negeri Melaka dengan kerjasama Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM), *Bengkel konservasi monumen dan tapak tanah bersejarah, Melaka, 27-29 November 2006*.

Rahimah Abdul Aziz, Chan Kim Ling & Sharina Abdul Halim (2012).
Pemuliharaan

Warisan: Pendokumentasian Kajian. Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Robiah, Abdul Rashid & A Ghafar Ahmad. (2008). *Pendekatan penyenggaraan bangunan bersejarah di Malaysia – suatu kajian awalan*. Dalam: *Annual Conference management in Construction Researches' Association in MICRA*.

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 18-19 Jun 2008.

Saidatulakmal Mohd, Azlinda Azman & Jamalludin Sulaiman (2011). *Kelestarian Warisan Negara*. Malaysia: Universiti Sains Malaysia.

Siti Aisyah Muhammad (2011). *The Relationship Between The Socio-Culture of Royalty and The Architecture of Sepachendera*. Retrieved from, <http://umkeprints.umk.edu.my/300/>

Siti Norlizaiha Harun (2005). *Perkembangan Sejarah Dan Pengaruh Seni Bina Di*

Malaysia: Sebuah Tinjauan Ringkas. Retrieved from, SN Harun - Buletin Perancang, Jabatan Perancang Dan Daerah, 2005 - academia.edu

Siti Norlizaiha Harun et al., (2010). *Pemuliharaan bangunan bersejarah*. Shah Alam:

University Publication Centre (UPENA).

Suzalina Halid (2015). Istana Sepachendera dibina dengan madu lebah, putih telur.

Berita Harian Online. Retrieved from, <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/10/85757/istana-sepachendera-dibina-dengan-madu-lebah-putih-telur>

Tengku Anis Qariah bt Raja Abdul Kadir, Puteri Shireen Jahn Kassim, Nurul Syala

Abdul Latif & Harlina Md. Shariff (2017). *Five Milestones of The Malay Classical Language: From Roots to Branches In Era of Change*. Retrieved from, NSA Latif, HM Shariff - academia.edu

Yahaya, A. (1996). *Some aspects of building conservation in Malaysia*. Universiti Malaya: Pustaka Kajian Pemuliharaan Bangunan.

Yuslaintan. (2015). *Metodologi Kajian*. Retrieved from,

<https://yuslaintan.wordpress.com/2015/03/31/bab-3-metod-kajian/>

Yuszaidy, M. (2013). *Perlindungan harta warisan: keberkesanan usaha pemuliharaan*

dan pemeliharaan dalam pembangunan negara. Retrieved from,
<https://ejournal.ukm.my/gmjss/article/view/18006>

Yuszaidy Mohd Yusof, Hanapi Dollah, Ab Samat Kechot. (2011). *Akta Warisan Kebangsaan 2005*. Jurnal Melayu (8) 2011.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

LAMPIRAN



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
Faculty of Creative Technology and Heritage

UMK.A02 600-4/74 JILID 2 (45)

RUE KAMI (Our Ref) : 25 JULAI 2021
TARIKH (Date) :

ARKIB NEGARA MALAYSIA NEGERI KEDAH/PERLIS
JALAN ALOR MERAH
05250
ALOR SETAR
KEDAH

Tuan/Puan,

MEMOHON KEBENARAN UNTUK PELAJAR UMK MENJALANKAN KAJIAN / PENYELIDIKAN / TEMURAMAH

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa senarai nama di bawah adalah merupakan pelajar dari Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan yang akan menjalankan kajian/ penyelidikan/ temuramah di organisasi tuan/ puan. Tujuan menjalankan kajian/ penyelidikan/ temuramah ini adalah bagi memenuhi keperluan kursus **Projek Penyelidikan II (CFT 4134)**. Nama pelajar adalah seperti butiran berikut:

| Bil. | Nama Pelajar | No Matrik | No. Kad Pengenalan | Program |
|------|--------------------------|-----------|--------------------|---|
| 1 | Dinie Azni Bin Mohd Azam | C18A0058 | 980830025765 | Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian |

3. Sukacita sekiranya pelajar ini mendapat kerjasama daripada tuan/ puan.

Kerjasama tuan/ puan dalam hal ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT"
"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

PROF. MADYA TS. DR. KHAIRUL AZHAR BIN MAT DAUD
Timbalan Dekan (Akademik dan Pembangunan Pelajar)



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BUK. KAMI (Our Book) : UMK.A02 600-4/7/4 JILID 2 (AQS)
TARIKH (Date) : 25 JULAI 2021

YAYASAN TUNKU KASSIM
ISTANA SEPACHENDERA, JALAN ISTANA LAMA
05200
ALOR SETAR
KEDAH

Tuan/Puan,

MEMOHON KEBENARAN UNTUK PELAJAR UMK MENJALANKAN KAJIAN / PENYELIDIKAN / TEMURAMAH

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa senarai nama di bawah adalah merupakan pelajar dari Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan yang akan menjalankan kajian/penyelidikan/temuramah di organisasi tuan/ puan. Tujuan menjalankan kajian/ penyelidikan/ temuramah ini adalah bagi memenuhi keperluan kursus **Projek Penyelidikan II (CFT 4134)**. Nama pelajar adalah seperti butiran berikut:

| Bil. | Nama Pelajar | No Matrik | No. Kad Pengenalan | Program |
|------|--------------------------|-----------|--------------------|---|
| 1 | Dinie Azri Bin Mohd Azam | C18A0058 | 980830025765 | Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian |

3. Sukacita sekiranya pelajar ini mendapat kerjasama daripada tuan/puan.

Kerjasama tuan/puan dalam hal ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUFAKAT, NEGERI BERKAT"
"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalinkan amanah,

PROF. MADYA TS. DR. KHAIRUL AZHAR BIN MAT DAUD
Timbalan Dekan (Akademik dan Pembangunan Pelajar)

UNIVERSITI
MALAYSIA

KELANTAN



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
Faculty of Creative Technology and Heritage

KUL KAMI (Kurikulum) UMK.A02.800-47/4 JILID 2 (4%)
TARIKH (Date) : 25 JULAI 2021

PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA CAWANGAN KEDAH
ANJUNG SEJARAH TUNKU NONG JEW, MUZIUM NEGERI KEDAH
05100
ALOR SETAR
KEDAH

Tuan/Puan,

MEMOHON KEBENARAN UNTUK PELAJAR UMK MENJALANKAN KAJIAN / PENYELIDIKAN / TEMURAMAH

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa senarai nama di bawah adalah merupakan pelajar dari Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan yang akan menjalankan kajian/ penyelidikan/ temuramah di organisasi tuan/ puan. Tujuan menjalankan kajian/ penyelidikan/ temuramah ini adalah bagi memenuhi keperluan kursus **Projek Penyelidikan II (CFT 4134)**. Nama pelajar adalah seperti butiran berikut

| Bil. | Nama Pelajar | No Matrik | No. Kad Pengenalan | Program |
|------|--------------------------|-----------|--------------------|---|
| 1 | Dinie Azri Bin Mohd Azam | C18A0058 | 980830025765 | Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian |

3. Sukacita sekiranya pelajar ini mendapat kerjasama daripada tuan/ puan.

Kerjasama tuan/ puan dalam hal ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT"
"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

PROF. MADYA TS. DR. KHAIRUL AZHAR BIN MAT DAUD
Timbalan Dekan (Akademik dan Pembangunan Pelajar)





UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN